



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 52

RABU 30HB DISEMBER, 1981.

رابعو 3 ربيع الاول 1402

PERCHUMA



PERENTAH DHARURAT (PENCHEGAHAN RASUAH) 1981 DI-KUATKUASAKAN MULAI IHB. JANUARI 1982

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah membuat satu undang2 yang di-kuat-kuasakan sebagai satu Perintah Dharurat (Pencegahan Rasuah) 1981.

Siaran rasmi Kerajaan Baginda yang di-keluarkan pada minggu lalu menyatakan bahawa langkah itu di-lakukan ada-lah sa-laras dengan hasrat Baginda untuk mengujudkan sistem pentadbiran kerajaan yang efisien, jujur lagi amanah. Ini juga bertepatan dengan titah Baginda yang sama sekali menegah pegawai2 dalam Kerajaan Baginda dari mengamalkan apa jua bentuk corruption atau rasuah atau sa-terus-nya langkah Baginda untuk

bertindak tegas pada menchegegah perbuatan rasuah itu.

DI-KUAT-KUASAKAN

Perintah itu akan berjalan kuat-kuasa-nya mulai dari Ihb. Januari, 1982 ini. Sungguh pun perintah itu berkuat-kuasa mulai tarikh tersebut, tetapi mahkamah telah di-beri kuasa pada membicarakan sa-suatu kesalahan yang telah di-lakukan sa-belum tarikh Ihb. Januari, 1982 itu.

Perintah ini akan bertindak menchegegah rasuah di-kalangan pegawai2 kerajaan dan orang2 awam yang lain dan mem-buktikan beberapa jenis dan rupa bentok rasuah yang boleh di-dakwa di-mahkamah.

Bentok2 rasuah yang di-butirkan itu termasuk-lah pemilikan harta kekayaan yang tidak sa-timpal dengan gaji sa-seorang pegawai kerajaan atau sa-seorang pegawai dari badan awam yang di-tentukan yang mana perolehan harta kekayaan itu tidak dapat di-terangkan dengan memuaskan kepada mahkamah.

Jika di-dapati bersalah, sa-seorang yang

melakukan rasuah itu boleh di-penjara sa-hingga tujuh tahun dan sa-hingga sepuluh tahun dan denda sa-banyak tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit (\$30,000.00)

Sa-lain daripada hukuman2 yang di-tentukan itu, Mahkamah juga di-beri kuasa memerintah sa-seorang

Lihat muka 22

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Penasihat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bergambar ramai beserta Pengiran Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin dan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Gambar ini di-abadikan sa-telah selesai Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) bagi Mashuarat Pertama dari Per-mashuaratan yang ke-19 yang telah di-sempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada hari Isnin 21hb Disember, 1981.

Lebeh \$ 1,835j di-untokkan bagi jabatan2 K'jaan tahun depan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-jumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Di-satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1982 berjumlah \$1,835,236,550 telah di-untokkan bagi semua Jabatan Kerajaan.

Anggaran belanjawan itu telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri dalam sidang-nya minggu lalu.

Antara anggaran belanjawan yang terbesar di-per-untokkan bagi tahun 1982 ia-lah Perkhidmatan2 Rampaian yang berjumlah \$387,731,809.

Askar Melayu Diraja Brunei tahun ini akan menerima peruntukan sa-jumlah \$343,317,178 manakala peruntukan bagi Kumpulan Wang Kemajuan sa-banyak \$290,000,000 dan sa-jumlah \$176,693,425 lagi bagi Jabatan Pelajaran.

Jabatan Kerja Raya menerima peruntukan sa-jumlah \$105,076,794, \$70,407,504 bagi Pulis Diraja Brunei, \$64,773,315 bagi Perkhidmatan Perubatan, \$55,971,826 bagi Jabatan Letrik.

Sa-banyak \$45,634,387 kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama, \$25,113,728 bagi Jabatan Radio dan

Lihat muka 22

Peruntukan yg di-sediakan untuk meninggikan taraf hidup raayat

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Ketika negara2 membangun sedang berusaha memerangi inflasi, Negeri Brunei telah dapat mengawal-nya dengan chara memberikan bantuan subsidi kepada harga barang keperluan dan mi-nyak motor. Walau bagaimanapun inflasi terpaksa juga di-tempohi kerana kita banyak bergantung kepada barang2 dan ket-perluan dari luar negeri.

Perkara ini telah di-jelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee ketika membentangkan satu Rang Undang2 untuk memohon

satu jumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Di-Persatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1982 bagi maksud2 yang tertentu, ketika Majlis Mashuarat Negeri menyambong sidang-nya minggu lalu.

Menegaskan tentang langkah2 bagi maksud yang di-peruntukkan itu, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara berkata ia-nya ada-lah sa-mata2 untuk meninggikan lagi taraf kehidupan, serta menjamin kemakmoran, keselamatan dan kesejahteraan raayat serta penduduk negeri ini.

Pihak Kerajaan katanya lagi, boleh menyumbangkan sekian banyak

untuk raayat, tetapi sa-lebih-nya terserah-lah kepada raayat sendiri untuk melaksanakan-nya. Namun demikian, andai-nya suasan politik dan kewangan negeri ini tetap stabil dan menggalakkan, tiada sebab mengapa sa-tiap orang tidak boleh hidup aman, damai dan tenteram, ujar beliau.

Peruntukan pada tahun ini jelas Yang Berhormat itu, lebeh di-tumpukan kepada pelajaran di-mana satakat ini pendidekan dari perengkat bawah hingga ka-perengkat menengah termasuk latehan teknikal,

Lihat muka 22

Manis-nya Iman

DI-RIWAYATKAN dalam kitab Sunan At-Termizi dan Sunan An-Nasai bahawa Rasulullah saw. bersabda: "Laki-laki muslim yang paling sempurna imannya ialah lelaki yang paling cekap berpuasa dan paling banyak beramal kebajikan." — HADITH NABI (Al-Bukhari).



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASI
KEBAJAAN
NEGERI
BRUNEI

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

PENCHEGAH RASUAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah membuat satu undang2 yang di-kuatkuasakan sebagai satu Perintah Dharurat yang bergelar Perintah Dharurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Demikian satu keputusan dan langkah bijaksana Baginda yang seluruh raayat menjunjung sa-tinggi2nya dengan dada yang lapang dan keyakinan yang bulat bahawa undang2 itu pasti terlaksana dengan kesan2 yang di-perlukan Baginda. Kerana, dalam hubungan perlaksanaan undang2 dengan lebih berkesan, Baginda menitahkan dalam perutusan khas merasmikan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-19 pada 21hb. Disember lepas, dengan jelas mengingatkan kepada Kerajaan, terutama kepada Ketua2 Jabatan dan pegawai2 yang berkenaan supaya melaksanakan pada menjalankan Undang2 dan Peratoran2 Kerajaan yang telah di-luluskan "supaya Undang2 dan Peratoran2 tersebut tidak-lah hanya akan tinggal sa-bagai Undang2 dan Peratoran2 di-kertas sahaja." Untuk ini, Baginda mengharapkan supaya mereka yang di-amanahkan itu amat mustahak bersikap tegas lagi bijaksana di-dalam menjalankan Undang2 dan Peratoran2 tersebut. Maka dalam hubungan ini, apa yang jelas sa-bagai ekspektasi dan yang Baginda harapkan ia-lah perkembangan perlaksanaan2nya yang positif.

Di-bawah undang2 ini, di-nyatakan juga bagi penubuhan badan pencheegah rasuah yang akan di-gelar "Biro Mencheegah Rasuah" atau "Anti-Corruption Bureau" yang akan di-ketuai oleh sa-orang Pengarah.

Maka chantuman dari titah dan stratiji undang2 itu, ada-lah penoh di-yakini yang undang2 itu akan tetap menuju sasaran-nya, dan insha-Allah, pehak2 yang di-titahkan oleh Baginda itu tidak akan menjumpai sa-barang kelingahan untuk sama2 menjunjung-nya dengan jujur, amanah dan penoh berdedikasi.

Dari sejak undang2 itu di-umumkan kepada orang ramai, sambutan terhadap-nya begitu hangat di-sana sini yang rata2 mengalu2kan-nya dengan kegembiraan yang bukan kepalang. Mengapa kegembiraan itu timbul? Tentu-lah terbit dari keinginan umum ia-itu demi kesejahteraan negara dan nama baik bangsa Brunei yang berhemah tinggi. Maka kerana kita yang berhemah tinggi itu, wajar kita elakkan dari membuat berbagai spekulasi dan mematut-matutkan tentang siapa dan bagaimana tindakan itu nanti berjalan. Keyakinan harus kita tumpukan sepenoh-nya kepada Kerajaan dalam mengator langkah2, sama ada di-sebut operasi atau bagaimana, kerana tentu-lah ke-bijaksanaan dan keadilan akan mengambil tempat yang paling atas.

SELAMAT TAHUN BARU 1982

Dan tahun 1982 akan mula kita masoki pada hari Jumaat ini — ia-itu hari yang berkat dan hari peribadatan. Sa-iring dengan itu, kita membawa bersama2nya dengan berbagai2 amanah yang di-korbankan dalam tahun 1981, terutama-nya tentang tugas dan tanggung-jawab bernegara, yang merupakan satu ibadat yang terpenting bagi kita seluruh-nya. Menchakupi kepada semua bidang kesejahteraan, maka perlu di-satukan niat pada meningkatkan kualiti terhadap chiri2 berkejujuran kerana Allah demi atas nama kesejahteraan itu. Atas bekalan2 yang di-perolehi dalam 1982 itu, semoga akan bertambah2 kekuatan kita di-ketika memasoki gerbang kemerdekaan, 1983 nanti.

Saya bersyukur dan smengucapkan ber-banyak2 terima kaseh kepada Pengerusi Tetap dan semua ahli2 jawatankuasa Persatuan Pelukis2 Brunei atas kesudian mereka kerana memberi penghormatan kepada saya untuk memberi ucapan dan merasmikan Preview Senilukis Tahunan Persatuan Pelukis2 Brunei 1981 yang sangat menarik ini.

Menyedari kepen-tingan2 dan kegemaran2 awang2 dan dayang2 sekalian dalam senilukis, awang2 dan dayang2 dapat pula meningkat dan mengukuhkan lagi kegiatan2 awang2 dan dayang2 dengan menubuhkan Persatuan Pelukis2 Brunei di-mana ahli2-nya dapat berling-dong, bergiat dan menyalurkan hasil2 usaha masing2.

Usaha2 suka rela awang2 dan dayang2 semua dalam hal ini ada-lah sa-bagai pembuka mata kepada masyarakat kita yang ingin maju, berbakti serta berjasa tanpa mengharap balasan kepada bangsa dan negara dengan chara memperkenalkan negeri dan bangsa kita dalam jurusan senilukis. Sa-ukir demi sa-ukir jasa baik awang2 dan dayang2 churahkan itu, beribu tahun kenangan manis dapat kita dan anak2 bangsa kita nikmati! Jasa awang2 dan dayang2 itu akan tetap kekal abadi.... immortalise asalkan dia tidak luput dari pandangan tetapi akan berterusan dalam kenangan!

Begitu-lah hal-nya dengan ukiran2 Awang Japar pelukis yang di-dapati di-nisan2 batu di-Brunei, ukiran2 di-dinding Gua Niah yang sudah berumur kira2 1,200 tahun, dan tengkorak orang Borneo yang di-dapati di-Gua Niah juga yang sudah berumur kira2 40,000 tahun maseh lagi mengkagumkan kita. Begitu juga dengan senyuman Monalisa yang menawan hati itu tidak luput dan tidak luntur2nya dari satu jenerasi

JASA BAIK PELUKIS2 AKAN TETAP DI-KENANG

BERIKUT ia-lah ucapan Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Paduka Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud ketika merasmikan Pameran Senilukis anjoran Persatuan Pelukis2 Brunei, di-Muzium Brunei pada 22hb Disember, 1981.

kapada satu jenerasi yang lain.

Jika pengarang2, penyaer2 dan ahli2 tulis dapat menggambarkan alam sekitar mereka dengan tulisan2, kata2 yang beraneka corak, maka ahli2 senilukis pula dapat menggambarkan dan mencheritakan alam sekitar mereka dengan ukiran2 yang begitu menawan dan menarik.

Dari ukiran2, dari lukisan2 itu, boleh-lah kita ketahui tentang sejarah dan sa-jauh mana sa-suatu puak, bangsa dan negara itu bertamadun. Ukiran2 awang2 dan dayang2 yang ada pada masa ini akan dapat menolong jenerasi2 kita akan datang dalam menilai keadaan2 kita pada masa ini kerana ukiran2 itu membawa dengan-nya erti2 yang di-maksudkan oleh pengukir-nya. Untuk mithalan, di-satu surjadah ada di-dapati ukiran2 tentang cherita dalam shaer Tuan Pemagat.

Ukiran2 awang2 dan dayang2 itu akan dapat membayangkan Image Brunei Darussalam asalkan saja ukiran2 itu berasaskan keBruneian kerana pelanchong2 akan membeli ukiran2 serupa ini sebab tujuan mereka membeli ukiran2 tempatan itu ia-lah sebagai chenderamata kenangan atas lawatan mereka ka-Brunei dan dengan sechara tidak langsung mereka memperkenalkan Brunei ka-dunia luar.

Tidak dapat kita sangkalkan bahawa jika kita menoleh kebelakang, kita dapati sejarah gemilang datok nenek kita yang telah mengharumkan

nama negeri Brunei dalam kebijaksanaan mereka dalam membuat ukiran2 perhiasan2 daripada perak, tembaga, tenunan2 dan anyaman2 yang agak sukar bagi kita untuk meniru-nya memandangkan dengan keadaan yang serba berkurangan pada zaman itu. Ada-kah kita akan berpuas hati di-hembus oleh bayu sejarah gemilang sehingga kita agak terlina hayal memuji2 kemegahan yang sudah lalu itu?

Kemegahan2 kita atas kejayaan mereka itu tidak akan membawa faedah jika kita hanya berbangga dan bertepok tangan tetapi jika kita gunakan sejarah gemilang itu sebagai panduan inspirasi untuk kita membuat usaha dengan gigih, maka faedah-nya sudah tentu akan memuaskan.

Di-detik2 kita melangkah ke hadapan dan menghadapi chabaran2-nya, ada baik-nya kita mengorientasi diri kita sendiri kerana kita sudah begitu lama berbangga dengan barang2 yang di-buat dari luar negeri sehingga ada yang terlan-jor memandang rendah akan buatan2 tempatan kita sendiri. Di-sebabkan rasakan luar itu terlalu hebat, sehingga kita membeli mithalan-nya, chandas dan gegawi yang di-datangkan dari luar negeri sedangkan benda2 itu ini senang di-buat dan boleh di-buat oleh orang2 kita sendiri, apa-tah lagi bahan2-nya pun lumrah di-hutan dan free!

Di-sebabkan kita terlalu berharap kepada buatan2 luar negeri, maka kita pun terperangkap

sehingga kita tidak berdaya upaya untuk berbuat apa2!

Masa-nya bukan saja sudah tiba tetapi sudah melintasi kita untuk menghargai hasil2 tanah ayer dan lukisan2 tempatan kerana saya per-chaya bahawa sesuatu bangsa dan negara itu tidak akan chepat luas dikenali sehingga bangsa dan negara itu mula mengenali diri-nya sendiri dengan chara, antara lain menghargai hasil2 dan usaha2 negeri dan bangsa sendiri.

Ahli2 senilukis dan senilukis2 yang belum menjadi ahli Persatuan Pelukis2 Brunei, mesti-lah berusaha supaya dapat mengeluarkan hasil yang bermutu kerana hasil yang bermutu itu akan mendatangkan harga yang lumayan. Kejayaan itu tidak-lah dapat di-chapai dengan sekeli mata saja, tetapi pelukis2 yang berjaya ada-lah berusaha dari satu peringkat sehingga dapat menchapai kemun-chak kejayaan.

Saya berpendapat bahawa mutu ukiran2 dan lukisan2 di-tanah ayer kita ini ada-lah memuaskan dan tinggi nilai-nya, dan ada banyak kemungkinan bahawa ukiran2 dan lukisan2 yang bernilai itu telah hanyut keluar negeri, dan sa-belum banyak lagi ukiran2 dan lukisan2 itu di-bawa keluar negeri, satu usaha untuk mengumpul-nya patut di-fikirkan supaya hasil2 tanah ayer itu di-kekalkan abadikan di-satu tempat sebagai kemegahan bangsa dan negara.

Menyedari sumbangan dari ahli2 Persatuan Senilukis itu, maka saya tidak ragu2 melaungkan bahawa persatuan ini patut dapat perhatian dan di-mana yang bersesuaian, di-beri bantuan yang berpatutan oleh pehak2 yang chintakan bangsa dan negara-nya maju dengan chara mithalan-nya membeli lukisan2 dan ukiran2 tempatan itu untuk perhiasan rumah persendirian dan pejabat2 serta bagi sharikat2 yang banyak berselerak di-Brunei ini.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, saya istiharkan Pembukaan Pameran Senilukis Tahunan Persatuan Pelukis2 Brunei 1981.



DATO Paduka Haji Mohd Ali mendengar penerangan dari Pengiran Asmalee mengenai dengan lukisan2 yang di-pamerkan pada hari itu.

BRUNEI MASEH KURANG TENAGA MAHIR DALAM BIDANG SAINS

Oleh: Manaf HAR.

SERIA — Terdapat jauh jurang perbezaan jumlah penuntut2 terutama penuntut2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sedang menuntut di-sekolah2 menengah yang mengutamakan untuk mengambil jurusan sains. Purata kebanyakan mereka giat atau lebih cenderung mengikuti pengajian sastera.

"Nampak-nya kebanyakan pelajar2 mengikuti pelajaran dalam jurusan sastera, terutama pelajar2 raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedangkan kita maseh kekurangan pelajar2 yang menuntut dalam jurusan sains dan Ilmu Hisab."

Pendedahan ini telah dibuat oleh Penolong Pengarah Pelajaran, Dayang Hajjah Misli bte Haji Awang dalam ucapan alu2an-nya di-Majlis Penyampaian hadiah2 kepujian Shell bagi penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab seluruh negeri yang telah berlangsung di-Kelab Ria Shell pada 22hb. Disember lepas.

Dalam jangka negara mencapai kemerdekaan-nya, jelas beliau, ia-nya memerlukan raayat yang berpendidikan, berpengetahuan dan mahir dalam segala bidang

dan perengkat pekerjaan dalam usaha membangun dan memajukan negara.

"Dari itu keramaian penuntut2 yang mengikuti pelajaran dalam dua2 jurusan di-sekolah menengah, ia-itu sains dan sastera ini, perlu ada keseimbangan," kata-nya.

Dan untuk melahirkan tenaga yang berkemahiran itu maka ilmu dan pengetahuan itu ada-lah asas-nya di-perolehi semasa dalam perengkat persekolahan dan dari itu pelajar2 ada-lah di-seru untuk lebih menumpukan masa dan bergiat pada mengikuti pelajaran di-sekolah, tambah-nya lagi.

Peluang untuk mengikuti pelajaran di-negeri ini dari perengkat rendah hingga tertinggi ada-lah terbuka luas apa-tah lagi pelajaran tersebut di-sumbangkan sa-chara per-chuma maka terpujulang-lah kepada pelajar2 untuk merebut peluang2 keemasan itu, jelas-nya.

Menyentuh tentang dasar pelajaran Brunei, Dayang Hajjah Misli menerangkan bahawa ia-nya ada-lah di-sesuaikan dengan chita2 kepentingan dan perkembangan ekonomi serta sosiopolitik negeri ini yang dari lapan dasar tersebut, tiga daripada-nya ada-lah bertujuan antara lain untuk menyediakan pelajaran sa-lama sembilan tahun yang sesuai dengan kehendak negara terus menerus kepada semua kanak2 Brunei, enam tahun di-sekolah rendah dan tiga tahun di-sekolah menengah bawah.

Juga untuk menjadikan pelajaran Menengah di-chapai oleh semua orang berdasarkan kepada kehendak dan kebolehan mereka dan lagi pada memberikan kepada semua kanak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara, bagi memenuhi segala kehendak2 yang diperlukan negara, supaya semua kehendak2 itu di-penuhi oleh raayat Brunei sendiri.

Dasar pelajaran tersebut ada-lah bertepatan dengan kehendak negara ia-itu pada memerlukan tenaga2 yang berkemahiran bagi keperluan perkembangan negara, terang beliau.

"Untuk melaksanakan pembangunan negara maka sa-tiap kanak2 sekolah di-negeri ini perlu mengambil bahagian untuk melengkapkan diri masing2 sa-bagai raayat yang bertanggung-jawab pada negara yang mesti mempunyai pelajaran untuk membolehkan diri-nya dengan kehendak negara yang merdeka".

Beliau juga menambah yang negara yang merdeka itu mesti mempunyai raayat yang berilmu pengetahuan dalam sa-luas2 jurusan supaya segala urusan negeri kita ini akan di-kerjakan oleh raayat kita sendiri.

Terdahulu dalam ucapan-nya, Dayang Hajjah Misli telah menyatakan penghargaan ka-atas inisiatif pihak Shell dalam mengalakkan pelajar2 mendapatkan ilmu pengetahuan.

"Sharikat ini telah memberikan perhatian, sokongan dan bantuan, seperti memberikan hadiah2 kepujian kepada murid2 dan penuntut2 sekolah2 rendah dan menengah di-negeri ini, bursary dan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran di-negeri ini," jelas-nya.



Penasehat Hal Ehwal Awam Sharikat Minyak Shell, Awang I.B.J. Ross menyampaikan hadiah kepujian Shell kepada Awang Ahmad Basuni bin Abbas dari Pusat Tingkatan Enam.

Perubahan sosial menimbulkan akibat2 yg tidak di-ingini

TUTONG. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menekankan bahawa guru2 dan ibu-bapa boleh memainkan peranan penting untuk menolong-bantu golongan belia khas-nya para pelajar bagi meningkatkan lagi kualiti akhlak masing2.

Chara yang paling baik bagi mengasah mereka kata-nya, ia-lah dengan memberikan ilmu pengetahuan agama serta membimbing mereka dengan penuh kasih sayang dan hati yang terbuka.

Kerana jelas beliau lagi, agama itu ada-lah bertujuan membentuk manusia pada memiliki akhlak yang mulia sa-panjang hayat-nya.

Berucap ketika perasmian Hari Pelajar Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini baru2 ini, beliau menegaskan bahawa dalam proses pembangunan dan

permodenan yang pesat, golongan belia terutama-nya akan terlepas dari ikatan tradisi-nya dan mereka akan hanyut ka-araf arus perubahan yang berputar dengan hebat dan pantas.

Pengiran Badaruddin juga menegaskan bahawa perubahan sosial yang hebat dan pantas, ini akan menimbulkan beberapa akibat2 yang tidak di-ingini.

Antara-nya, jelas beliau, ia boleh menimbulkan masalah jasmani, sosial dari segi kekeliruan dalam nilai2 kemasyarakatan dan ia juga boleh menimbulkan masalah kerumitan psikologi.

"Saya amat bimbang gejala2 yang kurang sehat ini akan terus melanda kehidupan jenerasi muda kita," ujar-nya.

Kata-nya jika kita tidak dapat mengatasi-nya keruntuhan akhlak ini, akan merugikan kita

semua sa-bagai bangsa Brunei yang sa-lama ini berkeperibadian tinggi sa-chara total.

Kerana jelas beliau, semua masalah ini berkaitan rapat dengan masalah akhlak jenerasi muda kita yang jika di-biarkan begitu sahaja akan menghumbankan mereka ka-araf kekosongan hidup yang mungkin menimbulkan delima.

Sebab itu-lah kata-nya, ditekankan dengan kuat-nya dalam sistem pendidikan di-negeri ini supaya melalui sekolah2, kita akan melahirkan para pelajar yang bukan sahaja memiliki ilmu pengetahuan yang berguna tetapi juga akhlak yang sempurna, jelas beliau.

"Dan bagi memastikan perkara itu berjalan dengan baik salah satu usaha2 positif Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran ia-lah dengan memberikan kemudahan2 asrama kepada pelajar2 yang di-harapkan akan memiliki kedua2 perkara berkenaan asohan dan bimbingan," jelas-nya lagi.

Asrama di-bina dengan tujuan untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan sekolah kepada pelajar dengan sa-penoh-nya tanpa banyak gangguan dengan sa-chara tidak langsung mereka akan dapat hidup bermasyarakat," jelas Pg. Badaruddin.

"Oleh yang demikian saya amat sangat mengharapkan kepada pelajar2 yang telah di-berikan peluang tinggal di-asrama sekolah ini untuk dapat menggunakan kemudahan yang di-berikan oleh pihak Kerajaan itu dengan sa-baik2-nya," kata-nya.

Terdahulu dalam ucapan beliau telah menegaskan soal kepentingan pelajar dan pendidikan bagi jenerasi muda ada-lah amat di-amal berat malah di-utamakan terutama negara2 yang sedang membangun seperti negara kita.

Jenerasi muda yang terdidik lagi terpelajar akan menjadi khazanah kekayaan yang akan dapat di-pergunakan bagi menjamin kelangsungan hidup bangsa dan negara kita, jelas beliau.

Kata-nya, angkatan belia yang berkelulusan lagi berkelayakan ini akan dapat memberikan khidmat bakti yang cemerlang kepada pembangunan negara dalam segala bidang dan mereka juga yang

Lihat muka 14

Nama jawatan di-ubah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei telah berkenan untuk mengubah nama jawatan Ketua Jurutera Elektrik kepada Pengarah Perkhidmatan2 Elektrik mulai dari 22hb Disember 1981.

Tambang melanchong belum di-adakan

BERAKAS. — Penerbangan Diraja Brunei mengumumkan untuk pengetahuan ramai bahawa oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan, maka tambang melanchong 4.5 hari \$460.00 ka-Kuala Lumpur belum dapat di-adakan, di-sampaikan belum ada kebenaran yang di-perolehi dari pihak Malaysia.

Bagaimanapun tambang biasa yang lain ada-lah tidak berubah.



Gambar2 ini menunjukkan orang ramai menyertai kempen kebersihan di-Daerah Temburong. Kempen sa-lama sa-minggu itu telah di-adakan dari 14hb hingga 19hb Disember.



AJARAN SESAT

Bahagian VIII

PERKARA GANJIL (1)

Dalam Kitab 'Uqud Al-Almas di-sebutkan keterangan daripada Ibnu Batutah ia-lah sa-orang pengembara Islam yang mashor bahawa ia terjumpa suatu kaum di-India bernama JUKEH. Menurut keperchayaan kaum itu, dengan menggunakan Jukeh itu mereka boleh membuat lapan macham perkara yang ajaib dan luar biasa. Antara-

nya ia-lah boleh menyembunyikan diri dari pandangan, boleh berjalan dengan sekelip mata, boleh membesarkan badan, boleh memberikan kesan kepada sa-suatu dengan menggunakan hemat dan semangat, boleh membuat khayal dan naik ka-udara.

PENDAPAT ULAMA TASAUFI

AHLI2 taseuf Islam telah mengatakan bahawa perkara yang ajaib2 itu boleh berlaku di-tangan orang Brahaman India sama seperti berlaku di-tangan ahli2 pertapaan yang sesat dan batil. Pun perkara2 ajaib itu boleh berlaku di-tangan paderi2 keristian.

Siri ke-111

Sebab seperti hal-nya orang2 yang mengamalkan perkara2 yang lurus ada mempunyai 'fatah' (terang hati) bagi menambahkan mereka boleh membuat sa-suatu itu menambahkan iman mereka maka begitulah juga orang2 yang mengamalkan perkara2 salah. Mereka mempunyai 'fatah' (terang hati) yang mendorong mereka berbuat perkara2 yang lebeh sesat dan jahat.

Menurut As-Sayid As-Sharif Muhammad Al-Edrus Al-'Alawi Al-Husaini dalam karangan-nya Kitab

Asrarul Muqarrabin bahawa perkara orang Brahaman boleh terbang ka-udara tanpa payah berpusing2 itu ada-lah perkara ajaib yang boleh berlaku kepada orang2 pertapaan dan ahli2 riadhah (gerak badan). Sama ada orang itu berjalan di-atas landasan yang benar atau salah dapat di-timbang dengan memilih kepada iktiqad-nya adakah betul atau sesat dan ada-kah dia menunaikan istiqanah perkara2 fardhu dan wajib serta menjauhi larangan Allah.

TIGA BAHAGIAN

AL-Imam Al-Habib Ab-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti.

tahkikkan dan menimbangkan sa-suatu dengan pandangan yang benar.....

JANJI ALLAH

ADA pun perkara yang telah Allah janjikan terkandung di-bawah-nya banyak perkara kerana Allah telah menjadikan benar dan hak itu dan Allah telah jadikan bagi yang hak itu pemimpin2 yang menyeru kepada-Nya. Dan Allah jadikan bagi batil dan salah itu pemimpin2 yang menyeru kepada-Nya ia-itu kepada api neraka.

(Bersambung)
Wallahu a'alam.

TUTONG — Dalam masa perkembangan awal ilmu pengetahuan di-kurun2 pertengahan dahulu, tulisan jawi ada-lah menjadi tulisan ilmu pengetahuan yang dihasilkan oleh orang2 Islam. Orang2 Eropah pula mengambil ilmu itu melalui buku2 tulisan Arab, kemudian-nya apabila Islam datang ka-Negeri2 Melayu termasuk Brunei, tulisan jawi telah di-jadikan tulisan orang2 Melayu dengan menambah beberapa huruf yang tidak ada bunyi-nya dalam bahasa Arab.

Demikian sejarah ringkas titik bermula-nya penggunaan tulisan jawi oleh orang2 Melayu yang telah di-cheritakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika berucap sa-jurus sa-belum merasmikan Peraduan dan Pameran Tulisan Jawi bagi murid2 sekolah rendah ugama sa-negeri pada hari Ahad minggu lepas yang berlangsung di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain di-sini.

"Sesungguh-nya tulisan jawi ini telah menyumbangkan jasa yang besar dan bukan sedikit kepada dunia ilmu pengetahuan

PENTING-NYA PENGAJARAN TULISAN JAWI KAPADA SEMUA MURID

Oleh: Timbang Bakar

bagi orang2 Islam sejak berabad2 yang lalu. Tetapi perkembangan dunia sekarang ini

nampak-nya telah banyak mengubah keadaan itu, sahingga dalam banyak hal peranan tulisan jawi sa-

olah2 telah hilang disebabkan pengaruh ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang bukan dikuasai oleh orang2 Islam," kata Yang Berhormat itu.

Menurut beliau, kelemahan2 itu sedikit sebanyak ternyata telah menimbulkan beberapa akibat yang tidak sehat kepada kita. Kerana kata-nya, kurang-nya pemakaian tulisan jawi di-sekolah2, maka sa-bahagian orang2 Islam telah menghadapi masaalah membaca buku2 jawi dan akibat-nya mereka tidak dapat memahami pengetahuan ugama menurut yang sawajar-nya, kerana buku2 pengetahuan Islam kebanyakan-nya dalam tulisan jawi. Di-samping itu, tambah-nya lagi



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain sedang memerhatikan murid2 yang sedang mengikuti pelajaran tulisan jawi di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain.

berikutan dengan perkara itu mereka tidak berminat untuk belajar membaca Al-Koran.

Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu menyedari akan gejala2 yang telah menimpa keutuhan dan keagungan tulisan jawi itu. Untuk itu beliau berjanji, jabatan-nya akan berusaha sa-daya upaya untuk mengenalkan pelajaran tulisan jawi itu kepada murid2 sekolah ugama sa-chara bersistem dan mudah. Dan kepada pehak2 lain pula Yang Berhormat itu sa-terus-nya menyeru agar sama2 merasa bertanggung-jawab pada menchari jalan

supaya tulisan jawi itu dapat di-ajarkan kepada semua murid2 dan penuntut2 di-negeri ini.

Di-samping itu, kita patut-lah sama2 menginsafi dengan rasa sadar bahawa penduduk negeri ini majoriti-nya ada-lah orang2 Melayu yang beragama Islam. manakala tulisan jawi itu ada-lah warisan kita yang amat berharga yang sa-patut-nya tidak boleh di-pisahkan dari kehidupan kita. Kerana kata Yang Berhormat itu, ia-nya ada-lah berhubung rapat dengan tulisan Al-Koran dan tulisan ugama kita.

Lihat muka 6

اجازان القرآن اساس كبريان
اجازان القرآن اساس كبريان
اجازان القرآن اساس كبريان
وانك لعلو خلق عظيم
وانك لعلو خلق عظيم



Tulisan Dayang Norhayati bte Hassan dari Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait yang mendapat tempat pertama dalam bahagian murid2 Darjah IV.

ORANG YANG SUKA MENOLONG AKAN MENDAPATKAN PERTOLONGAN DARI ALLAH

MARI-lah kita sama2 berusaha meningkatkan rasa takwa kepada Allah dengan sebenar2nya, kita taat apa2 jua perintah-Nya dan kita jauhi apa2 jua larangan-Nya. Dan mari-lah kita usahakan menabur bakti kepada masyarakat khasnya kepada orang2 yang perlu pertolongan kita.

Usaha2 menolong orang susah, orang yang sengsara dan orang yang dha'if dalam hidup ada-lah sangat di-galakkan dan di-tuntut oleh agama Islam.

Dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh sahabat Ibnu Omar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda kira2 bermaksud:

JANGAN DI-HINA

"Orang Islam itu saudara orang Islam, jangan ia zalimkan dia dengan mengurangkan hak2nya, dan jangan ia hinakan dia. Barangsiaapa bersedia menyampaikan haji2 saudaranya itu, maka Allah sentiasa menyampaikan haji2 itu. Dan barangsiaapa meleagakan atau melapangkan suatu kesusahan daripada sa-orang Islam, neschaya Allah meleagakan atau melapangkan daripadanya dengan sebabnya akan suatu kesusahan dari beberapa kesusahan pada hari Kiamat. Dan barang siapa menutup 'aib sa-seorang Islam neschaya Allah tutupkan 'aibnya dihari kiamat".

Dalam rangka memberi pertolongan kepada sa-sama Islam itu, agama kita tidak membataskan hanya dengan tenaga misal2nya menolong memuchang-muchang membangunkan rumah umpama2nya, tetapi meliputi apa jua tindakan yang baik yang di-suruh oleh agama, baik dengan tenaga, buah fikiran, harta benda, atau lain2 sebagainya. Bahkan memberi hutang kepada orang Islam samada berupa wang atau beras, atau gula dan sebagainya itu pun perkara yang sangat di-galakkan oleh agama kita.

PERTOLONGAN

Kerana memberi hutang itu ada-lah merupakan satu pertolongan yang boleh melepaskan orang daripada sa-barang kesusahan. Bukan sa-takat itu sahaja, malahan memberi pinjam barang2 yang tidak sa-beberapa nilai2nya misal2nya, changkul, parang, periuk, belanga, pinggan mangkok, sudu, chawan, gelas, jarum



dan lain2 scumpama2nya kepada orang yang memerlukan2nya itu pun sangat2 di-galakkan oleh agama. Kerana dalam agama kita ada amaran dalam kitab suci Al-Kor'an dalam surah Al-Ma'un yang kira2 tafsiran2nya:

"Chelaka-lah ka-atas orang2 yang menegah dari meminjamkan maun yakni perkakas2 rumah yang rendah nilai dan sedikit harga2nya."

MERINGANKAN

Anchaman dan amaran keras Allah Taala ini adalah terkena kepada orang2 yang enggan memberi pinjaman hanya perkakas2 rumah yang tiada sa-berapa harga2nya demi untuk meringankan kesusahan jiran, atau mana2 jua umat Islam yang perlukan barang2 sa-umpama itu.

Demikian-lah agama Islam menggalakkan umat2nya supaya tolong-menolong dan bantu membantu antara satu dengan lain supaya mana2 orang yang susah itu akan menjadi sama2 senang, orang yang kesempitan itu akan menjadi sama2 lapang, dan orang yang menderita akan sama2 menjadi bahagia.

BERSEDEKAH

Kerana itu Islam adalah menentang dasar mementingkan diri sendiri samata2 tanpa menghiraukan kesusahan atau penderitaan orang lain. Lalu Islam mewajibkan zakat dan menyuruh umat2nya bersedekah, menderma, memberi pertolongan atau bantuan tenaga, fikiran, jasa baik, memberi hutang, memberi pinjam dan sa-bagai2nya demi untuk meringankan atau melepaskan atau melapangkan orang yang susah dan menderita. Orang yang berbuat demikian dengan ikhlas neschaya akan di-ringankan Allah Taala apa2 jua kesusahan yang

akan di-hadapi2nya di-hari kiamat kelak.

Oleh itu mari-lah sama2 kita berusaha mengikis sifat2 mementingkan kesenangan diri sendiri samata2 tanpa menghiraukan kesusahan atau penderitaan orang lain. Dan mari-lah kita berusaha sa-berapa yang terdaya membantu dan menolong orang2 yang

memerlukan pertolongan samada ia tidak berharta, atau tiada berdaya untuk bekerja, orang2 chachat, atau di-timpa sesuatu mala petaka dan sa-bagai2nya. Mudahan2 dengan demikian akan bertambah sejahtera-lah masyarakat dan negara kita, dan di-ringankan Allah kesusahan2 kita di-hari kiamat.

Untuk di-kasehi Allah:

Amalkan jujur dan amanah

SA-bagaimana yang kita ma'alomi, bahawa khalifah Umar Ibnul Khattab ada-lah salah sa-orang Khalifah yang terkenal keadilan2nya dan sangat mengambil berat terhadap nasib raayat2nya. Baginda selalu mengadakan rondaan ka-setiap pelusok negara, sa-mata2 untuk mengetahui sendiri sa-chara lebeh dekat keadaan raayat Baginda yang sa-benar, sama ada dari segi ketenteraman mau pun dari segi kehidupan ekonomi mereka. Ini Baginda lakukan bukan-lah bererti Baginda tidak mempunyai pegawai2 untuk melaksanakan pekerjaan itu, tetapi ada-lah untuk mengetahui sendiri keadaan raayat Baginda.

PERISTEWA

Dalam perjalanan meninjau keadaan raayat, banyak-lah peristiwa yang di-lihat dan di-jumpai. Ini menjadikan2nya sa-makin masak dalam mentadbir dan mengator Negara. Segala peristiwa yang di-jumpai2nya chepat di-selesaikan, apabila perkara itu harus segera di-selesaikan. Tetapi ada satu peristiwa yang sangat berkesan di-hati Baginda bahawa tidak mungkin dapat di-lupakan selama hayatnya. Peristiwa itu ia-lah peristiwa ketika Baginda bertemu dengan sa-orang anak pengembara miskin yang bekerja mengambil upah mengembara kambing dari sa-orang majikan kaya, yang memiliki jumlah teranakan ribuan ekor.

Kesah2nya ada-lah sa-perti berikut:

Ada sa-orang anak pengembara miskin yang maseh muda, mengembara ribuan ekor kambing ke-

punyaan sa-orang majikan kaya untuk mendapatkan upah sa-bagai penyambong hidup2nya. Sa-tiap pagi, bersama dengan naik2nya matahari, keluarlah anak gembala itu membawa ribuan ekor kambing ka-padang luas dan ia pulang sa-telah kambing itu kenyang pada waktu petang.

Begitu-lah sa-tiap hari pekerja anak miskin itu dengan bertudongan langit dan beralaskan bumi di-terik matahari yang membakar ia menjaga kambing2 sa-bagai penyangbong hidup2nya. Walaupun pekerjaan itu nampak2nya susah, namun hati2nya tetap gembira riang dan damai, serta merasa bershukor kerana rezeki yang di-makan2nya itu ada-lah dari titek peloh2nya sendiri yang halal dan berse dari pada dosa, dan dengan rasa penoh tanggung-jawab menjaga amanah dari majikan2nya itu sa-chara jujur.

TINJAU KEADAAN

Pada suatu hari, ketika khalifah Umar Ibnul Khattab meninjau keadaan raayat2nya, tiba2 beliau ternampak anak gembala tersebut sedang duduk di-batu bertudongan beberapa helai daun, sa-akan2 tidak menghiraukan tuboh2nya terbakar oleh terik matahari di-sebabkan sangat ashik memerhatikan kambing2 jagaan2nya sedang makan rumput kering dengan lahap2nya. Hati Khalifah sangat tertarek kepada anak gembala itu, lantas terus mendekatinya.

Sa-telah sampai ka-tempat anak gembala itu, Khalifah memberi salam dan di-jawab oleh anak gembala

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Disember 1981 hingga ka-hari Selasa 5hb Januari, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27
31hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27
1hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.21	6.29
2hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.21	6.29
3hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.21	6.29
4hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.21	6.29
5hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.21	6.29

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan minggu ini

Mendengar jawapan anak gembala itu, menitislah ayer mata Khalifah, ayer mata yang berupa keshukoran. Uchapan yang keluar dari mulut sa-orang anak gembala miskin dan maseh kechil itu menunjukkan betapa tinggi2nya budi yang di-bentuk oleh iman yang kuat.

Terbayang di-wajah anak gembala itu berseri2 sa-akan2 hati kechil2nya berkata "Alhamdulillah" kerana telah dapat menyelesaikan masalah besar dalam hidup2nya.

KESHUKORAN

Kemudian Khalifah meninggalkan anak gembala itu dengan penoh keshukoran dan berdo2 moga2 ia akan selalu damai dan tenteram hidup2nya dengan iman yang telah meresap di-hati2nya. Peristiwa inilah yang tidak di-lupakan oleh Khalifah Umar, walau pun banyak peristiwa dan kejadian yang lain yang pernah di-temui2nya. Kesah pertemuan dengan anak gembala itu chukup menjadi kenangan dalam hidup2nya.

Demikian kesah sa-orang anak gembala miskin yang jujur, walau pun perut2nya lapar dan miskin tetapi tetap sabar dan bertahan kerana ingat kepada Allah. Oleh itu, mari-lah kita sama2 menjaga diri dengan iman dan budi agar kita akan selalu hidup dalam ketenangan dan akan selalu di-kasehi Allah s.w.t. Hidup bahagia itu ia-lah hidup yang penoh kedamaian hati, tenteram, tenang serta damai, walau pun tidak bertimbun wang dan harta di-tangan.

GERAK HATI

Melihat makanan itu, tergerak-lah hati Khalifah untuk menguji anak itu dengan penoh bijaksana seraya berkata: "Wahai anak, beri-lah saya sa-ekor kambing itu dan akan saya bayar harga kambing itu."

"Tuan!!! Ini bukan kambing saya," jawab anak itu.

"Betul, itu bukan kambing mu, tetapi kambing itu beribu jumlah2nya, sa-andai2nya kamu ambil sa-ekor sahaja dan kamu jual dan wang jualan2nya jangan di-beritahu kepada majikan2mu, tentu dia tidak tahu," kata Khalifah untuk menyakinkan2nya.


"Tuan! ini bukan kambing saya," jawab anak itu lagi.

KEJUJURAN

Khalifah belum puas dengan ujian itu, kerana ia ingin tahu sa-jauh mana kejujuran budak gembala itu. Lalu Baginda terus menguji2nya:

"Kalau jumlah yang beribu itu kamu ambil satu, tentu majikan mu tidak tahu, dan ia tidak akan bertanya selagi kamu diam2 saja."

"Betul tuan," jawab anak gembala itu. Kemudian ia menyambong lagi: "Memang majikan saya tidak tahu perkara ini, tetapi Allah mengetahui2nya."



Tenaga jalani pemereksaan pemeliharaan di-S'pura


SERIA. — Tender Penggerudian "Tenaga" kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei kini sedang menjalani pemereksaan alat gantian biasa di-Limbongan Kering di-Singapura.

Perkhidmatan pemereksaan dan pembaikan itu

akan di-adakan tiga tahun sekali di-Limbongan Kering di-republik itu.

Tender yang panjangnya kira2 300 kaki itu telah di-kelaskan di-bawah "The American Bureau Of Shipping Standards" ada-lah pertama kali-nya "Tenaga" di-berikan perkhidmatan pemereksaan alat2 ganti sejak tahun 1978.

Ada-lah di-fahamkan bahawa dalam masa dua bulan nanti tender tersebut hanya berada di-galangan kapal itu bagi membolehkan pemasangan termasuk penggantian sistem bam-par, memperbaiki serta memasang alat2 kelengkapan menchegeh kebakaran.



Sembilan buah pelantar baru

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei di-jangka akan mempunyai sa-jumlah sembilan buah pelantar untuk projek gas, Ampa, Fairley dan Gan-net.

Salah satu daripada pelantar tersebut telah di-pasang baru2 ini berham-piran dengan pelantar AMDP — 15 di-padang Ampa.

Sementara pelantar AMDP-AK yang di-junamkan ka-dalam ayer sa-dalam 45 kaki itu kerja pemasangan lantai-nya akan di-mulakan pada bulan March depan.

Sa-bagaimana yang di-fahamkan pelantar tersebut akan di-sambungkan dengan pelantar AMDP-15 melalui jambatan.

Kedua2 pelantar ini akan memiliki sa-buah sistem pengawas yang menghubungkan dengan



bilek kawalan yang akan di-pasangkan di-pelantar tambahan AMAP-AK pada awal tahun 1982.

Pelantar tersebut akan di-gunakan sa-penoh-nya menjelang penghujung 1983 yang mana rancangan ini akan menjadi sa-bahagian tempat pengeluaran gas untuk loji LNG Brunei.

Di-samping kerja2 pemasangan dan pem-baikannya ia-nya juga termasuk kerja2 pemereksaan

ka-atas jentera janakuasa, sauh winch, penggantian saloran paip dan pemasangan hawa dingin yang baru. Apabila siap nanti tender itu akan menampung 110 orang pekerja.

Sementara itu rig H-37 kini sedang menjalani perubahan gerakan sa-penoh-nya di-republik Singapura dan sedang di-gantikan oleh Skytop Brewster bagi menjalani operasi di-padang minyak Seria pada tahun lalu.

Pegawai2 kanan lawat padang minyak

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei pada minggu lepas telah menerima kunjungan dari empat orang pelawat dari dua buah jabatan kerajaan.

Lawatan suai-kenal itu terdiri dari Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali bin Haji Malai Othman, Pengarah

Lembaga Kemajuan Ekonomi, Haji Omar bin Hj. Serudin dan dua orang kaki-tangan-nya Dayangku Hajjah Urai bte Pengiran Ali dan Awang Metassan bin Momin.

Di-hari kunjungan itu, pelawat2 telah di-bawa melawat2 di-galangan pembinaan kejuruteraan

di-Kuala Belait dengan ditemani oleh pegawai2 kaki-tangan sharikat tersebut.

Sa-masa kunjungan ka-galangan tersebut, pelawat2 juga berpeluang mendengar penerangan mengenai projek2 galangan itu oleh pegawai berkenaan.

KA-ARAH MENGEMBALIKAN KEAGONGAN TULISAN JAWI

Dari muka 4

Dengan yang demikian, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja itu berpendapat, keagongan dan keutuhan tulisan Jawi itu akan dapat di-kembalikan sa-kira-nya kesedaran dan rasa bertanggung-jawab itu dapat di-laksanakan bersama oleh semua pehak.

Terdahulu sa-belum itu, Penguasa Pelajaran Agama, Awang Haji Abd. Rahman bin Khatib Abdulllah telah menjelaskan


bahawa peraduan pada hari itu ada-lah kali keempat ia-nya di-adakan yang bertujuan untuk mempertingkatkan mutu tulisan murid2 di-sekolah2, serta memberi perangsang kepada mereka untuk lebeh menaruh minat kepada tulisan Jawi sesuai dengan penggunaan-nya di-sekolah2 ugama di-negeri ini.

Sa-terus-nya Awang Haji Abd. Rahman menjelaskan, buku2 teks untuk memenohi sa-bahagian

dari keperluan ka-arah itu telah dapat di-sediakan. Yang mana buku2 tersebut antara-nya telah di-susun sendiri oleh yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Peraduan itu telah disertai oleh kira2 tujuh puluh orang murid2 sekolah ugama dari darjah I hingga VI dari seluruh negeri.

Di-samping peraduan, pameran tulisan Jawi dan tunjok chara menulis Jawi dalam berbagai bentuk khas juga telah di-adakan. Jabatan Muzium dan Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah memamerkan berbagai2 bentuk tulisan Jawi termasuklah menuskrip2 lama yang di-anggap sebagai bahan sejarah Negeri Brunei yang amat penting dan berharga. Di-samping itu beberapa orang perseorangan juga telah turut memberikan sumbangan.



Bentuk khat2 seperti ini juga sesuai menjadi perhiasan rumah (atas) dan gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari jenis2 khat yang di-pamerkan.



Bengkel Latehan Belia2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dengan kerjasama Surohanjaya Sosial dan Ekonomi Bangsa2 Bersatu bagi Asia dan Kawasan Pasifik dan Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan Bengkel Latehan Kepimpinan Belia selama dua minggu bermula pada 7hb Februari 1982.

Bengkel yang akan berpusat di-Ibu Negeri di-jangka akan di-

sertai oleh kira2 50 orang pemimpin, yang mewakili tiap2 Persatuan Belia dan Kebajikan di-seluruh negeri.

Borang2 permohonan bagi menyertai bengkel tersebut boleh di-dapati di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan pada waktu pejabat di-buka. Peserta2 yang belum menghantar borang2 permohonan, hendaklah berbuat demikian tidak lewat dari 10hb Januari 1982.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 30HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 IN SEARCH OF: "Witch Doctors"
- 5.30 NEW TOM AND JERRY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FALCON ISLAND
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.25 FALCON ISLAND — sambongan
- 6.35 THE WINGED COLT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOBO: "Roller Disco Karate"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.40 LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 CHERAMAH MAULUD
- 9.10 GIVE US A CLUE
- 9.40 HAWAII FIVE 'O' "The Big Aloha"
- Steve McGarrett menyiasat atas kematian sa-orang yang terkenal di Hawaii dan mendapati sangat sukar untuk membuat tangkapan.
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR: "The Girl Most Likely To"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 31HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONES: "Wind Up Wilma"
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.25 FLINTSTONES — sambongan
- 6.35 TAKE HART

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BATTLE STAR OF GALACTICA
- Satu lagi siri baru berkenaan dengan angkasa lepas ketika-mana sa-kumpulan pelarian mencari tempat sesuai untuk membuat kehidupan baru. Mereka menuju Bumi (Earth) sa-bagai pilihan.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 BATTLE STAR OF GALACTICA — sambongan

- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 HIDAYAT
- 9.10 DUNIA MINGGU INI
- 9.40 HAYWIRE
- 10.26 DYNASTY Ep.3
- 11.15 MENYAMBUT '82
- 12.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 1HB. JAN.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.16 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.18 SNOW WHITE
- 3.18 TAYANGAN GAMBAR "Born Free"
- Cherita bagaimana sa-ekor singa pe-liharaan pulang ka-hutan dan sa-tahun kemudian "melawat" kembali karumah "tuan-nya" bersama dengan tiga ekor anak2-nya.
- 4.48 DOKUMENTARI "Challenge of the Canadian Rockies"
- 5.30 FOLLOW ME
- 5.45 CHILDREN'S SERIAL. The Red Plague
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 YOU ASKED FOR IT — sambongan
- 6.35 RAMPAISARI KANAK2

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SHIRLEY BASSEY
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 SHIRLEY BASSEY — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 DALLAS
- "The Missing Heir"
- Siri kesukaan ramai kembali lagi menemui penonton2 di-Brunei lebih awal dari negeri2 lain di-rantau ini.
- 9.30 BENSON
- "In High Places"
- 10.00 TAYANGAN GAMBAR "Young Winston"
- Kesah sa-bahagian dari riwayat hidup muda Winston Churchill. Beliau berpendapat untuk memasuki lapangan politik mesti-lah terlebih dahulu memasuki kerjaya askar. Dalam peperangan Boer beliau telah di-tugaskan memerintah sa-pasokan kekil dan di-tangkap kemudian dapat melepaskan diri. Pelakon2: Robert Shaw, Anne Bancroft, Simon Ward, John Mills, Jack Hawkins, Pat Heywood dll.
- 11.40 SWEENEY "Nightmare"
- 12.25 SIARAN TAMAT.

SABTU - 2HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN



CIRCELEY Tayson sa-bagai Harriet Tubman sa-orang hamba abdi yang memainkan peranan penting dalam siri baru A WOMAN CALLED MOSES bermula Ahad depan jam 9.50 malam.

- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NEW POPEYE SHOW
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 NEW POPEYE SHOW — sambongan
- 6.35 MR MERLIN:

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 QUINCY
- "Sugar and Spice" (Episod terakhir)
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 QUINCY — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 MARI MEMASAK
- 9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU "Laila Manja"
- 11.25 THE BIG VALLEY
- "Rimfire"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

AHAD - 3HB. JAN.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.17 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.19 IT'S NOW
- 3.05 BREAKING AWAY: "La Strada"
- 3.50 HARPER VALLEY: "Bad's Day"
- 4.15 KAP KAP UDANG
- 4.45 WORLD OF SPORTS
- 5.00 SHAZAM
- 5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLASH GORDAN
- "Ming's Last Battle"
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 STRIKER (Episod terakhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 240 ROBERT
- "Hostages" (Episod terakhir)
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 240 ROBERT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD

- 8.40 ONLY WHEN I LAUGH

- 9.10 DRAMA

- "Mengapa Di-Sayang"

- 9.50 A WOMAN CALLED MOSES

(Siri baru)
Kesah sa-orang hamba abdi yang dapat melepaskan diri dan kemudian menyabong nyawa pula untuk melepaskan kawan-nya yang lain.

- 10.40 ARMCHAIR THRILLER

- "Fear of God" bgh.3

- 11.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 4HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 NEW MIGHTY MOUSE (Episod terakhir)
- 5.35 ANIMALS IN ACTION: "Seaside"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TARZAN
- "Jai's Amnesia"
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Homemade Murder"
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 HART TO HART — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 LIPUTAN NASIONAL
- 9.00 THE LAST OUTLAW
- 9.50 NATIONAL GEOGRAPHIC (Siri baru) "Treasure"
- 10.35 KNOTS LANDING
- "A Family Matter"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 5HB. JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HERE'S BOOMER: "Boomer and the Bucketees"
- 5.15 LITTLE BLUE
- "Little Blue Goes to the Moon"
- 5.30 SPORT'S BILLY
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL: "Francesca, Baby"
- Bagaimana sa-orang anak perempuan belasan tahun menyesuaikan kehidupan-nya dengan ibu-nya yang penumun.
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO "The 200 Mile An Hour Fast Ball"
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.20 VIETNAM — The 10,000 DAY WAR
- Satu siri ranchangan berjumlah 26 episod memaparkan di-Vietnam dari tahun 1945 — 1975.
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR "Run Wild Run Free"
- Philip Ransome, 10 tahun, tidak boleh berhakap dan memikirkan diri-nya sa-bagai satu hewan kepada kedua orang tua-nya. Dia mempunyai sa-ekor anak kuda kesayangan -nya yang pada satu hari terbenam di-paya. Ibu, ayah dan beberapa orang kampung telah menyelamatkan kuda-nya. Melihat kesungguhan pertolongan mereka itu Philip pun faham akan kasih sayang mereka kepada-nya. Pelakon2: John Mills, Sylvia Syms, Mark Lester.
- 11.20 THE UPCHAT LINE — siri baru
- 11.50 SIARAN TAMAT.



PRINCESS Snow White (kiri) dan kawan-nya Grunyon akan dapat di-saksikan dalam ranchangan tambahan khas sempena menyambut tahun baru 1982. Ranchangan animasi ini akan di-tayangkan Jumaat lusa jam 2.18 petang.

RADIO Brunei sa-
perti biasa me-
nyediakan beberapa
ranchangan khas me-
nyambut kedatangan
tahun baru 1982. Ra-
dio tidak pernah mem-
biarkan kedatangan
tahun baru begitu sa-
ja tanpa menoleh de-
ngan penoh erti, tetapi
tidak sa-hebat sambu-
tan perbadanan-per-
badanan radio di-ne-
gara-negara Kristian
saperti di-ibukota-
ibukota Rom, Manila,
Madrid terutama di-
Vatican City di-Italy
yang mengatur prog-
ram-program special
siaran non-stop 24
jam untuk menyam-
but kelahiran tahun
baru Masehi, yang
Masehi itu sendiri di-

berikan pengertian
oleh Kaum Umom
Indonesia; Nabi Isa/
Kristen atau Keristus
atau Christ dalam ba-
hasa Inggeris-nya. Pa-
da saat kelahiran ta-
hun baru Masehi itu
sudah menjadi adat
tradisi bagi umat Kris-
tian memanjatkan ke-
shukoran dan doa res-
tu sebaik2 sahaja lo-
ching gereja berden-
tung pada minit perta-
ma lewat jam 12.00
tengah malam 31hb
Disember. Lantas pa-
da saat, waktu dan
hari berikut-nya ber-
guguran-lah ucapan-
ucapan Happy New
Year atau selamat ta-
hun baru dan bersa-
ma-nya di-tumpahkan
segala harapan baru,

YANG MANA SATU SI-TAHUN BARU

tekad baru, azam ba-
ru, segala macham ba-
ru untuk menyusur ti-
tian hidup pada tahun
yang membentangkan
seribu liku masaalah
hidup.

Radio Brunei pun
tidak ketinggalan me-
nyambut tahun baru
ini kerana taqwim
Masehi di-anggap sa-
bagai taqwim 'official'
atau bersifat interna-
tional. Namun begitu
Radio Brunei juga

menggunakan Taq-
wim Hijrah dalam
siaran perhitungan ha-
ribulan-nya tiap-tiap
hari, malah meletak-
kan perhitungan ta-
hun Hijrah di-atas
tahun2 lain-nya. Ini
ada-lah tugas radio
untuk memelihara dan
mencherminkan iden-
titi bangsa dan chara
hidup kita seharian di-
negeri ini.

Radio perchaya tan-
pa ragu-ragu bahawa
setiap orang di-negeri

ini sudah mengetahui
bahawa Taqwim Hij-
rah yang berdasarkan
perhitungan Qamari-
ah itu telah di-perke-
nalkan dalam tahun
634 Masehi oleh Say-
yidina Umar Ibnu
Khattab. Chadangan
ini telah di-kemuka-
kan oleh Sayyidina
Ali Ibnu Abi Talib dan
di-terima sa-bulat sua-

ra oleh Sahabat-Saha-
bat Besar Rasulullah.
Jika Taqwim Mase-
hi di-punyai oleh du-
nia international ma-
ka tepat-lah kalau Ta-
hun Hijrah di-punyai
oleh Umat Islam selu-
roh alam. Dan para
pendengar tentu tidak
akan tertanya2 lagi
yang mana satu si-ta-
hun baru.

**Tugas radio ada-lah untuk
memelihara dan mencherminkan
identiti bangsa dan chara hidup
kita sa-harian di-negeri ini**



LARRY HAGMAN sa-bagai J.R.Ewing ia-lah satu karektar yang banyak penunton suka me-
lihat dan membenci-nya dalam siri Dallas. Siri baru Dallas kali ini bermula dengan episod
"The Missing Heir" pada Jumaat depan kira2 jam 8.40 malam.

BERTEPATAN de-
ngan suasana di-ta-
hun baru ini, sandiwara ra-
dio minggu ini akan me-
ngemukakan sa-chebis
kesah yang berjudul HAS-
RAT DI-AMBANG JA-
NUARI yang di-hasilkan
oleh A Mohammad Tim-
bang, Brunei.

Dalam kesah ini kita
akan berhadapan dengan
dua pasangan kelamin
yang menghadapi masa-
alah masing2 dalam ru-
mah-tangga mereka. Wa-
tak Mardi suami Salmi sa-
ngat gelisah memikirkan
rumah-tangga-nya yang be-
lum lagi di-serikan oleh
chahaya mata. Segala ma-
saalah yang di-hadapi-nya
ini telah mengganggu fikir-
an-nya dan mahu tidak
mahu di-churahkan-nya
juga pada Budiman teman-
nya.

Peranan yang sama le-
beh2 lagi di-tanggung oleh
Salmi, penantian mereka
untuk mendapatkan anak
selama lebeh enam tahun
itu sudah lebeh dari men-
chukopi untuk membuat

**"HASRAT DI-AMBANG J
tajok sandiwara ra
minggu ini, hasil p**

A. Mohammad Timba

kan-nya resah-gelisah. Ka-
pada Nita-lah ia mengadu
nasib-nya. Nita, isteri Bu-
dihan pula merasakan
masaalah dari segi keme-
wahan di-samping anak2
mereka yang ramai. Mere-
ka sesungguh-nya meng-
hadapi dua persoalan yang
bertentangan. Dalam hal
ini Nita hanya terdaya me-
nasehatkan-nya supaya te-
rus bersabar dan berserah
kapada Allah.

Dalam kebingungan itu,
Salmi dan Mardi selalu sa-
ja bertengkar, ada2 saja
yang tak kena. Bagaimana

pun, apa pun masaalah
yang mereka hadapi, Bu-
dihan dan Nita tetap me-
jadi orang tengah dan ber-
tindak untuk meleraikan
masaalah mereka.

Di-samping menyelesaikan
masaalah yang Salmi
hadapi, Nita juga tidak
terkechuali dari menghada-
pi masaalah-nya sendiri.
Ia pula khuatir akan me-
ngandung lagi!

Bertolak dari sini-lah
perjanjian timbul di-antara
Nita dan Salmi yang me-
mutuskan jika Nita me-
ngandung lagi maka anak

DE
bah
Ira
Jan
pen
kan
pen
ber
ma
yan
bel

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN : JA'AFAR IBRAHIM

Bantuan terus di-berikan kpd balu2 yg belum dpt kerja tetap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz menyifatkan bahawa bantuan balu2 yang di-katakan akan di-tarek balek jika balu2 itu mempunyai pekerjaan sementara ada-lah tidak berasas dan tidak benar sama sekali.

Apa yang jelas, kata Yang Amat Berhormat, peratoran2 yang di-jalankan oleh kerajaan pada masa ini terhadap balu2 terutama yang mempunyai tanggungan yang banyak ada-lah di-bantu sa-hingga balu itu mendapat mata pencharian yang tetap.

"Dan jika sekira-nya sa-orang balu itu mempunyai keluarga lapan orang dan salah sa-orang dari-nya mempunyai pekerjaan tetap yang tidak menukupi untuk menampung kehidupan sa-harian maka bantuan yang di-berikan itu akan di-teruskan.

Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar menjelaskan demikian ketika menjawab soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Pekerna Indera Awang Haji Jili bin Ibrahim di-Majlis Mashuarat Negeri.

Kata-nya, dasar2 sa-umpama ini-lah yang di-pegang oleh kerajaan yang semata-mata berhasrat pada sentiasa untuk memberikan kerenganan kepada kategori2 yang saperti itu.

Menventoh mengenai saranan supaya penchen orang2 tua di-naikkan atau di-tambah dari kadar yang ada sekarang, Yang Amat

Berhormat itu menekankan bahawa soal2 untuk menaikkan penchen tua adalah tertalok kepada kenaikan gaji2 dan alaan2 pegawai2 dan kakitangan kerajaan keseluruhannya.

Di-mana, kata-nya, lazim-nya, pada masa2 yang sudah apabila gaji dan alaan2 pegawai2 dan kakitangan kerajaan di-naikkan, maka di-naikkan juga penchen tua mengikut peratus yang di-berikan kepada kenaikan keseluruhannya.

Walau bagaimana pun kata-nya, saranan sa-umpama itu akan di-ambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berwajib.

Menventoh tentang tender makanan yang di-katakan sa-bagai menjadi waris yang di-turun-temurunkan, Yang Amat Berhormat itu menyifatkan yang pertanyaan sa-umpama itu ada-lah sa-bagai satu kesilapan.

Sa-benar-nya, menurut, Yang Amat Berhormat itu lagi, peratoran tender adalah 'open tender' yang mana sa-tiap orang boleh memasok-nya ia-itu tidak kira ia anak, chuchu, bini dan sa-umpama-nya asalkan ia ada keupayaan. Tender2 tersebut, kata-nya, ada-lah di-teliti oleh Jawatankuasa di-Jabatan Pelajaran yang kemudian-nya menghadapkan kepada jawatankuasa Lembaga Tender (Tender Board) yang akan membuat keputusan2 sa-chara bebas yang hanya memikirkan soal2 kepentingan kepada asas2 ranchangan permaknaan.

Jadi, jelas Yang Amat Berhormat, soal turun me-

nurunkan daripada bapa kepada anak tidak berbangkit, namun demikian kata-nya, kerajaan dari samasa ka-semasa akan terus berusaha pada memperbaiki keadaan2 sa-demi-kian.

Taraf hidup raayat akan terus di-ambil perhatian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman berkata Kerajaan akan meneruskan usaha2 ka-arrah memperbaiki, meninggikan kemakmoran negara dan memperbaiki lagi taraf hidup raayat yang sedia ada di-negeri ini.

Kerajaan juga akan mengambil langkah2 yang sesuai lagi tegas dalam memperbaiki chara2 kerajaan bertindak yang termasuklah membuat peratoran2 dan undang2 yang sesuai.

Berkata demikian ketika menyukong usol Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar tentang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Majlis Mashuarat Negeri baru2 ini, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan seterusnya menjelaskan bahawa kerajaan juga akan membuat perubahan2 yang bersesuaian dari segi pegawai2 dan kakitangan kerajaan dari samasa ka-semasa.

Semua langkah2 sa-umpama ini, jelas-nya, ada-lah pada menjunjung titah Baginda juga yang inginkan satu sistem pentadbiran yang efficient, chekap, jujur lagi amanah dalam Kerajaan Baginda Yang Dipertuan.

"Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan saya sendiri sa-bagai-mana yang sama2 diketahuhi dan Insha Allah akan terus memanggil ketua2 jabatan berdalilog dan berusaha untuk meningkatkan bukan sahaja ketua2 jabatan malah semua pegawai2 kanan kerajaan yang berkhidmat dalam kerajaan ketika ini," ujar-nya.

Supaya dengan itu nanti, kata Yang Berhormat, mereka2 itu akan terus berusaha memperbaiki keadaan kedudukan masing2 supaya jentera pentadbiran



Y. A. B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Penetapan Sheikh Haji kehendak K'jaan Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama menekankan bahawa penetapan Sheikh Haji ada-lah di-bawah kehen-

dak Kerajaan Arab Saudi. Di-mana, jelas-nya pada masa ini kita mempunyai dua orang sheikh bagi menyelenggarakan jemaah2 haji yang datang dari negara kita Brunei.

Pada perengkat ini sa-benar-nya, kata Yang Berhormat akan menuju kepada satu sheikh ia-itu Sheikh Brunei sahaja dengan syarat ia mem-



Y. B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

kebanyakan daripada mereka sekarang ada-lah terdiri dari anak2 tempatan yang di-keluarkan atas usaha2 kerajaan sendiri dengan memberikan pendidekan yang tertentu.

"Tidak-lah dapat di-sangkal bahawa mereka ini termasuk saya sendiri maseh mentah dari segi pentadbiran dan sa-umpama-nya, tetapi Insha Allah dengan semangat dan kejujuran yang ada, saya kira pegawai2 tempatan, pegawai2 kanan tempatan dan ketua2 jabatan tempatan tentu-nya suka melihat negeri ini maju dan aman sentosa," kata-nya lagi.

Dengan semangat yang sa-demikian, Yang Berhormat itu penoh yakin, mereka yang telah di-beri tanggung-jawab sa-demikian tentu-nya tidak rela negeri ini menjadi kuchar kachir dan raayat-nya akan di-dalam penderitaan.

punyai keupayaan dalam memberikan perkhidmatan yang baik di-Mekah.

Yang Berhormat itu memberikan penjelasan ketika menjawab soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin yang menyarankan supaya Sheikh Haji Brunei di-tambah daripada bilangan yang ada sekarang dalam Majlis Mashuarat negeri baru2 ini.

Jemaah2 Brunei, kata-nya, pernah bersheikhkan kepada berbagai-bagai

Lihat muka 11

Pengeluaran ayer akan di-tambah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang merancang untuk menambahkan lagi pengeluaran ayer yang ada sekarang dari 20 juta gelen hingga 25 atau 27 juta gelen sa-hari dalam tahun 1983 dan 1984.

Dari tahun 1985 hingga 1997 pengeluaran ayer akan di-tambah menjadi 50 juta gelen sa-hari. Dan dari tahun 1998 hingga ka-tahun 2000 pengeluaran itu akan menjadi 80 juta gelen sa-hari.

Demikian telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengerah Kerja Raya, ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali bin Ismail di-majlis Mashuarat Negeri yang telah



Y.B. Pengiran Ismail.

berlangsang pada hari Rabu lepas.

Menurut Yang Berhormat, sa-lepas tahun 2000 nanti, pengeluaran ayer di-negeri ini di-jangka akan dapat di-chapai sa-banyak 110 juta gelen sa-hari.

Mengenai pembenaan Stadium yang di-timbulkan oleh sa-orang

ahli yang di-lantek, Yang Berhormat itu berkata bahawa pembenaan stadium itu telah pun di-laksanakan sa-chara berperengkat-perengkat.

Perengkat yang pertama, kata Yang Berhormat itu lagi, ia-lah penimbokan tanah atau pun peruntukan tanah dan perengkat kedua ia-lah pailing. Kerja2 bagi kedua2 perengkat ini, jelas-nya sudah pun selesai di-laksanakan.

Kata-nya, kerja2 yang di-jalankan ka-atas projek tersebut pada masa ini adalah merupakan perengkat ketiga atau pun 'super structure' yang mana ia-nya telah di-mulakan pada awal tahun ini.

"Insha Allah projek pembenaan stadium tersebut akan selesai sa-belum atau pun pada bulan Julai 1983," ujar-nya.

Hidangan makanan RBA akan di-teliti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak2 yang berwajib akan menjalankan penelitian terhadap pelaksanaan dan kandungan makanan yang di-hidangkan kepada penumpang2 Penerbangan Diraja Brunei.

Dari penelitian itu nanti di-harap akan mendapat kesimpulan bagi mengatasi masalah2 yang di-haramkan oleh hukum Ugama Islam itu.

Jaminan ini di-berikan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz

dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri.

Masalah ini telah di-timbulkan oleh sa-orang ahli yang di-lantek, Yang Berhormat Pehin Khatib, Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Matyassin yang meragui akan halal-nya makanan2 yang di-hidangkan kepada penumpang2 Islam dalam Penerbangan Diraja Brunei itu.

Bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu memberi jaminan bahawa makanan yang di-utokkan kepada penumpang2 Islam itu ada-lah di-tanggung halal.

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN : JA'AFAR IBRAHIM

Di-sepanjang tahun 1981 pertumbuhan ekonomi di-negara2 perusahaan terus merosot. Keluaran dan perdagangan dunia telah berkurang dan paras pengagoran pula telah melambong tinggi. Harga2 barangan menjadi begitu lembek sekali dan lantaran itu negara2 yang bukan pengeluar minyak telah mengalami kurangan2 yang bukan sedikit dalam kira2 semasa imbalan bayaran mereka. Kurangan2 belanjawan yang keterlaluan telah menyebabkan kadar2 faedah menjadi tinggi dan ini menambah-beratkan lagi beban hutang yang di-pikul oleh negara2 tersebut.

Negara2 membangun berusaha sedaya-upaya untuk memerangi inflasi kerana mereka menyedari kalau di-biarkan merebak terus-terusan inflasi itu lambat-lau akan menjahanamkan keutuhan matawang2 mereka dan sedikit demi sedikit melemahkan keseluruhan sistem ekonomi dan sosial.

DAPAT DI-KAWAL

Di-Brunei inflasi dalam negeri boleh di-kekang dan di-kawal. Hal ini tercapai dengan chara menahan gaji2 pada paras2 yang berpatutan dan tidak mengaitkan kenaikan2-nya dengan kenaikan2 angka-tunjuk sara hidup. Begitu juga dengan tidak menaikkan chukai2 atau bayaran2 bagi kemudahan2 awam dan dengan memberikan bantuan subsidi kepada harga2 barang keperluan dan juga minyak motor. Tetapi malang-nya terdapat inflasi yang di-impor dan dengan bergantung-nya kita kepada barang2 dan perkhidmatan dari seberang laut maka kenaikan2 dalam harga barang2 tersebut terpaksa-lah di-terima dan di-serap ka-dalam ekonomi. Angka-tunjuk Sara Hidup telah bertambah sebanyak 10.4% di-sepanjang tahun lalu dan pada masa ini ia-nya ia-lah 132.3 di-bandingkan dengan 100 untuk tahun asas 1977.

Pengeluaran minyak dan gas terus menguasai ekonomi negara. Dalam menyedari yang kedua-dua sumber ini merupakan harta2 yang sa-makin berkurangan maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sedang melaksanakan suatu dasar pada mengurangkan pengeluaran minyak untuk memastikan yang pengeluaran hingga ka-penghabisan-nya akan di-chapai pada kadar pengeluaran yang lebih di-sesuai-kan dengan keperluan2 ekonomi Kerajaan dan akhir sekali untuk mendapatkan keuntungan komersil yang maksima. Per kesediaan Sharikat Minyak Shell membincangkan chadangan2 mereka dengan Kerajaan pada menentukan rancangan2 strategi jangka panjang itu ia-lah suatu perkara atas mana peramba ingin mengemukakan tanda penghormatan peramba.

PENGELUARAN

Pengeluaran minyak di-jangka mencapai angka purata sebanyak 176,000 tong sa-hari di-sepanjang tahun 1981. Pengurangan pengeluaran di-sepanjang tahun lalu ini ia-lah disebabkan oleh sekatan yang di-sengajakan sa-bagai suatu pelaksanaan dasar dan sa-bagai potongan jangka-pendek untuk mengatasi pembanjiran bekalan minyak di-pasaran2 dunia. Di-sepanjang tahun 1982 penghasilan ada-lah di-anggarkan sa-banyak 175,000 tong sa-hari.

Projek Gas Chechayer Asli terus berjalan dengan jaya-nya dan ini menjamin keuntungan yang lumayan daripada perusahaan satu daripada sumber2 asli utama Negeri

Brunei. Penggunaan gas dalam chara ini tidak-lah menghalangi penggunaan-nya sa-bagai bahan untuk lain2 kegiatan meski pun maseh chupuk yang tinggal untuk kegunaan dalam menghasilkan tenaga letrik pada kadar yang semakin bertambah.

Perangkaan yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi di-Brunei boleh menyebabkan kesan terkeliru oleh kerana kesan yang berlebeh-lebihan yang di-timbulkan oleh perusahaan minyak dan gas. Pengurangan dalam pengeluaran minyak tidak-lah menimbulkan sebarang kesan yang burok terhadap ekonomi yang mana ada menampakkan tanda2 yang jelas tentang perkembangan-nya, meskipun Keluaran Kasar Dalam Negeri menurun dalam tahun 1981 sejak dari tahun 1980 yang sebanyak 12.5% menurut harga2 semasa dan sebanyak 20.9% menurut harga2 malar. Bagaimanapun, sa-kira-nya angka2 bagi perusahaan minyak dan gas ini di-tiadakan maka Keluaran Kasar Dalam Negeri akan menunjukkan satu tambahan dalam tempoh yang sama sa-banyak 11.55% menurut harga2 semasa dan 6.56% menurut harga2 malar. Perusahaan2 Kerajaan menunjukkan satu pertumbuhan sa-banyak 27.06% menurut harga2 semasa dan 13.07% menurut harga2 malar.

KEUNTONGAN

Imbalan Bayaran maseh menunjukkan keuntungan yang berlimpah-ruah bagi Negeri Brunei di-sebabkan oleh harga yang tinggi untuk eksport2 minyak dan gas ka-luar negeri. Peramba sungguh merasa gembira sekali kerana dapat menyediakan satu belanjawan tanpa menemui masalah2 dalam mengimpor antara import dan eksport dan juga kerana dapat menyusun kewangan negara dalam keadaan belanjawan yang tidak mendesak supaya di-kenakan tambahan chukai peribadi atau pemotongan perbelanjaan yang akibat-nya menimbulkan kesulitan.

Lembaga Matawang Negeri Brunei terus memberikan satu matawang yang stabil dan di-sepanjang tempoh, dua belas bulan yang lalu ringgit Brunei telah bertambah kuat di-bandingkan dengan kebanyakan matawang dunia. Pada hujung tahun 1980 Kumpulan Wang Simpanan Lembaga ini melebihi 110% dari tanggungan2 permintaan dan berikutan-nya sa-jumlah \$B10 juta telah di-pindahkan ka-Kira2 Hasil Kerajaan di-sepanjang tahun ini. Jumlah matawang yang di-edarkan pada 30 November 1981 ia-lah sa-banyak \$B165.3 juta. Perjanjian pertukaran matawang dengan Singapura terus berjalan dengan memuaskan dan ini telah memberikan suatu kemudahan kepada para pelancong.

Penerbangan Diraja Brunei yang sa-penoh-nya di-miliki oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan terus memberikan satu perkhidmatan yang mempunyai mutu dan kecekapan teknik yang tinggi. Ada-lah di-jangkakan pada tahun ini sharikat ini akan men-chapai kedudukan ketidak-utong tidak rugi tetapi pen-

chapaian hal ini telah di-halangi oleh kenaikan harga2 minyak kapal terbang. Meskipun demikian tidak-lah di-hasratkan yang taraf2 kendalian-nya akan di-jejaskan sa-mata2 di-sebabkan oleh motif keutungan. Kemampuan-nya berjalan sa-bagai suatu usaha komersil yang boleh bertapak-maju maseh menjadi matlamat pengurusan-nya dan di-sebabkan oleh lalu lintas yang kian bertambah maka matlamat ini akan di-chapai tetapi tidak-lah dengan mengorbankan dan menurunkan taraf2 teknikal, keselamatan dan perkhidmatan penumpang. Jalan2 yang di-lalui sedang di-tambah dengan tujuan utama-nya ia-lah untuk mengadakan satu perkhidmatan yang lebih baik kepada para penumpang dan untuk memastikan yang pesawat2 terbang-nya di-gunakan dengan sa-penoh-nya.

KEPERLUAN2

Dalam menyediakan Belanjawan Perbelanjaan masa yang banyak terpaksa di-korbankan oleh Ahli2 Berhormat Majlis ini yang telah di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menilai keperluan2 Jabatan2 dan menyemak permohonan2 yang berbutir untuk mendapatkan peruntukan kewangan pada tahun yang akan menjelang. Peramba sukacita mengemukakan pengharapan peramba atas chara mereka yang rapi dan bersusah-payah dalam menyelenggarakan tugas ini. Dalam satu ekonomi yang berkembang, dengan proses belanjawan-nya yang tidak tertaklok kepada sekatan2 kewangan yang ketat maka ada-lah mustahak sa-tiap butiran perbelanjaan itu di-timbangkan menurut burok-baik mutu hasil-nya. Dalam hal Jabatan2 yang memberikan perkhidmatan2 teknikal, kajian yang banyak telah di-jalankan untuk memastikan pembaharuan2 teknologi akan berkesan pada memperbaiki perkhidmatan di-bandingkan dengan perbelanjaan yang di-keluarkan. Keperluan2 tenaga manusia mesti-lah juga di-teliti dengan chermat. Beberapa buah Jabatan tertentu telah mencapai paras guna-tenaga yang optima dan tambahan2 kakitangan seterusnya ia tidak-lah sa-mesti-nya akan mendatangkan penghasilan yang bertambah dan juga pembahagian tugas yang lebih timbingsama. Kerja Jawatankuasa Belanjawan mencapai kemuncak-nya dengan terhasil-nya Anggaran2 Hasil dan Belanjawan untuk tahun 1982 yang di-bentangkan di-atas meja dalam mashuarat ini sa-bagai Kertas Persidangan Bil : 1.

Sa-masa saya mendapat kehormatan berchap di-Dewan Majlis ini tahun lalu saya ada memberitahu Ahli2 Berhormat bahawa pada hujung tahun 1981 saya meramalkan bahawa baki yang terdapat pada sa-belah keridit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan ia-lah sa-banyak Br\$19,231.7 juta. Dalam pada itu kedua-dua Hasil dan Belanjawan kini terbokti menjadi lebih banyak dari yang telah saya ramalkan dan pada 31 Disember 1981 saya sekarang mengang-

Ekonomi Brunei maseh kukoh

PENGELUARAN MINYAK DAN GAS TERUS MENGUASAI EKONOMI NEGARA

BERIKUT ia-lah ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan usul Anggaran Belanjawan bagi tahun 1982 dalam Majlis Mashuarat Negeri yang berlangsung pada minggu lalu.



garkan bahawa baki yang terkumpul akan menjadi Br\$19,877 juta.

Hasil di-sepanjang tahun 1982 ada-lah bergantung kepada harga2 minyak dunia yang menentukan harga yang diperolehi untuk membeli minyak Brunei di-pasaran yang terkhusus dan bertanding. Di-samping kesan dari dasar mengurangkan pengeluaran minyak, yang mana telah saya sebutkan tadi, akan terdapat satu pengurangan yang kecil dalam hasil yang diperolehi dari sumber ini. Hasil dari lain2 usaha dan perkhidmatan Kerajaan kian bertambah di-sebabkan oleh penggunaan yang meningkat meskipun minyak dan gas merupakan sumber hasil yang terbesar. Saya menganggarkan bahawa di-sepanjang tahun 1982 hasil akan berjumlah sa-banyak Br\$7,079 juta.

PERKEMBANGAN

Dalam masa kemajuan dan perkembangan ekonomi negara sedang mengambil tempat dengan suatu kepesatan yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam sejarah Negeri Brunei, hendak-lah di-sedari yang Perbelanjaan akan meningkat hingga mencapai ka-paras2 yang lebih tinggi dari sebelumnya. Meskipun perkara ini diterima namun ada-lah penting sekali rang undang2 perbelanjaan di-kenakan sekatan2 yang di-mestikan oleh pertumbuhan ekonomi yang sehat dan ia tidak di-biarkan meningkat tinggi dalam lingkungan2 yang hanya di-batasi oleh hasil2 tahunan yang di-perolehi. Perbelanjaan Yang Berulang2 di-sepanjang tahun 1982 di-anggarkan berjumlah Br\$1,593 juta, yang mana ini menandakan satu tambahan sa-banyak 18.7% dari tahun yang sebelumnya. Di-samping itu pula sa-jumlah Br\$290 juta akan diperuntukkan ka-Kumpulanwang Kemajuan dan ini menjadikan perbelanjaan sa-chara menyeluruh dalam kira2 berulang2 berjumlah Br\$1,883 juta. Lebehkan keseluruhan sa-harus-nya-lah dalam lingkungan Br\$5,196 juta dan baki terkumpul dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31 Disember 1982 sa-harus-nya-lah berjumlah kira2 Br\$25,073 juta.

Keselamatan dan Pertahanan Negara merangkum sa-banyak

memberikan sumbangan mereka.

Dengan semakin berkembang-nya ekonomi Negeri ini maka permintaan2 untuk mendapatkan kemudahan2 awam dan perkhidmatan2 teknikal juga semakin bertambah. Ahli2 Berhormat akan dapat memperhatikan perbelanjaan2 yang meningkat bagi Jabatan2 Letrik, Bekalan Ayer, Talikom dan Perkhidmatan2 Pos. Perkhidmatan2 sedemikian meskipun berbentuk komersil namun perbelanjaan-nya di-biayai menerusi Hasil dan Perbelanjaan dengan tujuan supaya perkhidmatan2 ini dengan sendiri-nya di-berikan bantuan subsidi dan juga untuk mengelakkan bayaran2 pasti tambahan yang akan timbul andai-nya Jabatan ini menguruskan hal ehwal kewangan-nya sechara sendiri.

Perkhidmatan Radio dan Talivishen sekarang telah tertubuh dengan sempurna-nya, dan tidak saperti penduduk di-kebanyakan negeri2 yang lain, penduduk2 Negeri Brunei terus menikmati perkhidmatan2 yang bebas dari di-kenakan bayaran. Ini chuma satu daripada chara2 bagaimana Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dapat meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa di-kenakan kos peribadi kepada orang perseorangan.

Ahli2 Berhormat akan berpuashati memperhatikan peruntukan untuk perkhidmatan2 Perubatan. Rawatan perubatan yang perchuma ada-lah di-berikan kepada semua orang dan sa-chara beransor-ansor, perkhidmatan ini sedang di-perkembangkan dengan ada-nya kakitangan2 yang berkelayakan dan alat kelengkapan yang boleh menandingi kemudahan2 di-negara2 lain di-dunia.

RAWATAN

Pesakit2 yang memerlukan rawatan yang tidak dapat di-berikan di-Brunei di-hantar ka-luar negeri untuk menerima rawatan di-pusat2 perubatan yang sesuai di-mana kemahiran2 atau kemudahan2 yang perlu ada di-sediakan.

Terdapat satu kenaikan sa-banyak 48% dalam peruntukan bagi Jabatan Kebajikan, Belia & Sokan. Sambil menyediakan keperluan2 untuk orang2 tua dan yang chachat anggota, pehak Kerajaan juga sentiasa sedar tentang keperluan untuk memberikan panduan, lathen dan galakan kepada orang2 muda baik dalam tanggungjawab mereka kepada masyarakat mahu pun juga dalam bidang kesokanan. Sa-tiap galakan sedang di-berikan kepada para olahragawan dan juga orang2 perseorangan untuk memajukan bakat mereka dengan mengambil bahagian dalam acara2 sokan tempatan dan antarabangsa.

Belanjawan untuk Jabatan Hal Ehwal Uagama juga menunjukkan satu kenaikan yang mana mendapat persetujuan dari Ahli2 Berhormat. Keperluan2 keugamaan rakyat dan pengajaran serta menyebarkan agama Islam ada-lah di-ambil perhatian dengan mengadakan sekolah2 uagama dan masjid2 di-semua kawasan. Pemergian haji ka-Mekah tiap2 tahun di-berikan sokongan yang penoh untuk membolehkan jemaah2 haji menunaikan kewajipan mereka dengan sempurna.

Jabatan Kemajuan Kerjasama sekarang tertubuh dengan sempurna-nya dan telah dapat memberikan bantuan serta nasehat kepada Sharikat2 Kerjasama. Perkembangan badan2 yang sedemikian ada-lah sangat tinggi nilai-nya, baik di-kawasan2 pendalaman mahupun di-kawasan2 bandar dengan membolehkan perniagaan2 di-

PELAJARAN

Perhatian yang berat di-tumpukan kepada pelajaran, dan ini boleh di-bayangkan dalam belanjawan untuk Jabatan tersebut. Pendidikan sa-hingga dan termasuk peringkat menengah enam, lathen teknikal dalam bidang pembangunan, kejuruteraan, penyajian makanan dan lain2 pertukangan, lathen perdagangan dan pelajaran dewasa dalam pelbagai mata-pelajaran, boleh di-dapatkan dengan perchuma atau bayaran yang paling sedikit. Rancangan Perumahan Ka-Sekolah2 dapat memastikan yang kanak2 sekolah di-berikan makan-minum yang sempurna di-siang hari, dan kanak2 yang herkebolehan pula boleh menerima pelajaran ka-peringkat universiti dengan perchuma melalui rancangan biasiswa2 Kerajaan. Keayaan sistem ini telah terbokti dengan banyak-nya siswazah2 yang pulang ka-tanah ayer sa-tiap tahun untuk mengambil tempat masing2 dalam masyarakat untuk

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN : JA'AFAR IBRAHIM

EKONOMI BRUNEI MASEH KUKOH – Pehin John Lee

Dari muka 10

jalankan untuk kepentingan bersama, yang mana jika tidak demikian hal-nya tentu akan sulit untuk di-kendalikan dan biaya.

Jabatan yang patut disebutkan oleh kerana peranan yang mereka mainkan dalam memenuhi keperluan kebudayaan rayat ia-lah Dewan Bahasa & Pustaka dan Muzium. Dewan Bahasa bukan sahaja menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu supaya ia dapat di-gunakan dalam keadaan dunia dalam mana kemajuan sains dan teknik terus memerlukan perkembangan perbendaharaan kata yang baru, tetapi juga menyediakan perpustakaan yang bergerak mahu pun yang tetap yang membolehkan orang ramai menikmati bahan-bahan untuk hiburan atau kajian.

PERBELANJAAN

Muzium pula memberikan kemudahan untuk setiap orang yang ingin menikmati sejarah Brunei dalam semua bidang-nya. Bahan pameran yang kekal dan pameran yang berubah-ubah itu mempunyai nilai yang tidak terhingga dan beberapa jenis tertentu merupakan satu-nya yang terdapat di-dunia.

Beberapa buah Jabatan tertentu tidak berubah perbelanjaannya atau yang kurang chuma sedikit sahaja. Mithal-nya Penerangan Awam dan Jabatan Pelabohan. Ini ia-lah kerana perbelanjaan bagi membeli perkakas khas yang tidak perlu diganti setiap tahun, telah pun di-sediakan dan peruntukan wang untuk perbelanjaan yang berulang2 pula adalah mencukupi dalam keadaan perkembangan-nya masa ini.

Satu perkara di-bawah Tajuk Perkhidmatan2 Rampaian yang sudah tentu akan di-alu2kan oleh Ahli2 Berhormat ia-lah pembeanaan sa-buah Istana baru. Bangunan istana yang terdapat masa ini telah pun di-ubahsuai dan di-perbariskan beberapa kali untuk memenuhi keperluan yang berlainan dan satu beanaan istana baru yang wajar untuk Negeri ini sudah sa-harusnya di-adakan awal2 lagi. Istana itu sedang di-bina di-tempat yang indah dan sesuai kedudukan-nya dan akan menjadi satu sumber kebanggaan kepada orang2 Brunei dan sa-bahagian dari warisan negara.

RANCHANGAN

Ranchangan Kemajuan kini hampir mencapai hujung tahun yang kedua dalam tempoh-nya yang sa-lama lima tahun. Meskipun ranchangan2 yang disusun dalam tempoh lima2 tahun ada umum-nya di-rencanakan, dan ini sa-bahagian besar-nya dapat mengadakan had waktu yang menyegerakan siap-nya projek2 lebih awal lagi, namun ada-lah mustahak di-Negeri ini supaya perbelanjaan untuk kemajuan di-kekalkan pada paras yang tetap di-sepanjang tempoh yang lebih panjang. Ada terdapat satu paras perbelanjaan yang optima dan jika terus di-kekalkan ia dapat menjamin suatu ekonomi yang saimbang tanpa menghadapi masalah turun-naik ranchangan2 jangka pendek. Ranchangan sekarang melibatkan perbelanjaan yang memakan masa kira2 sa-lama 10 tahun dan meskipun perbelanjaan yang di-anggarkan bagi jumlah wang yang sedemikian besar-nya dalam tem-

poh yang pendek memenuhi ranchangan itu dengan mutu yang dinamis, namun penyusunan ranchangan dalam tempoh yang lebih lama itu-lah yang lebih bermunafaat kepada negara. Perbelanjaan Kemajuan mahu tak, mahu telah tertinggal di-belakang peruntukan kewangan tahunan-nya. Ini ada-lah di-sebabkan oleh pelaksanaan projek2 kemajuan itu bergantung kepada banyak faktor yang mana pada peringkat perencanaannya ada-lah mahal dari segi masa tetapi bukan-nya dari segi wang. Ada terdapat kehenderangan yang boleh-lah di-fahami dalam penyusunan belanjawan projek2 itu untuk memperkecilkan tempoh waktu yang di-perlukan untuk menyiapkan peringkat2 yang penting bagi sa-tiap projek dan berikutan-nya untuk menganggarkan sa-chara lebih2an peruntukan kewangan tahunan-nya.

Pada ketika ini di-tahun lalu, satu peruntukan telah di-buat untuk perbelanjaan dari Kumpulan2 Kemajuan sa-jumlah Br\$369.3 juta. Sekarang ada-lah di-anggarkan untuk perbelanjaan dalam tahun 1981 akan berjumlah dalam lingkungan Br\$288.4 juta. Jika ini di-chapal maka baki yang terdapat di-sebelah kredit Kumpulan2, pada penutup tahun ini akan menjadi Br\$127.2 juta. Butir2 perbelanjaan tahun 1982 ada terkandung dalam Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan yang dibentangkan atas meja sa-bagai Kertas Persidangan Bil: 1. Anggaran2 itu menyediakan perbelanjaan sa-banyak \$399.4 juta dan untuk menambah Kumpulan2 wang tersebut maka sa-jumlah Br\$290 juta akan di-sumbangkan dari Hasil. Ini akan menjadikan wang peruntukan yang tersedia dalam tahun 1982 sa-banyak Br\$417.2 juta.

MEMPERBAIKI

Matalamat2 Ranchangan masa ini maseh sama seperti dahulu, ia-itu untuk memperbaiki lagi kehidupan sosial, kebudayaan dan ekonomi penduduk Brunei, untuk mempernakan-jeniskan ekonomi dengan cara memajukan sumber2 asli yang sa-lain dari minyak dan gas dan untuk menchapai satu paras guna-tenaga yang tinggi. Di-samping itu pula, beberapa projek yang tertentu yang merupakan sa-bahagian dari infrastruktur yang sa-bahagian besar-nya di-siapkan dalam ranchangan yang terdahulu ada-lah maseh perlu dan juga ada di-muatkan. Harga keseluruhan Ranchangan yang telah di-luluskan tahun lalu, ia-itu sa-banyak Br\$2,000 juta maseh tidak berubah meskipun harga2 ranchangan bagi kebanyakan projek2 perlu di-tambah dengan chara menyekatkan wang dari jumlah yang belum di-peruntukkan sebelum-nya.

Ahli2 Berhormat akan dapat memerhatikan sa-chara berbutir projek2 yang terkandung dalam Ranchangan dengan merujuk kepada Anggaran2 perbelanjaan Kemajuan dalam maseh maseh2 tetapi beberapa projek yang tertentu elok-lah di-berikan keterangan khas. Dapat-lah di-fahami yang projek2 yang selalu dalam perhatian orang ramai itu ada-lah di-hasratkan supaya siap sa-belum menjelang-nya perayaan2 kemerdekaan di-tahun 1983. Bagaimanapun, lain2 projek yang barangkali tidak begitu menarik minat orang ramai tetapi bagaimanapun kepentingan-nya sama atau pun lebih besar lagi dalam kemajuan

negara juga menerima perhatian yang sama.

Satu daripada matalamat utama Kerajaan ia-lah untuk menjadikan Negeri ini mencukupi dalam penghasilan bahan2 makanan asas. Ini di-tumpukan kepada penghasilan beras dan oleh kerana sulit-nya menggalakkan penanam2 padi sa-chara komersil untuk mendirikan ranchangan2 yang boleh berjalan dengan baik dari segi kewangan-nya, maka Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada usaha memajukan kawasan2 penanaman padi. Ini di-tunjukkan dalam tajuk peruntukan yang telah di-tambah menjadi Br\$13.5 juta dengan perbelanjaan di-tahun 1982 sa-banyak Br\$4.0 juta.

Pembekalan daging juga merupakan suatu perkara yang di-amil perhatian dan urusan2 telah di-buat dari masa ka-maseh untuk mendatangkan lembu2 dari Australia melalui udara. Sharikat Mitsubishi dengan kerjasama Kerajaan telah menubuhkan satu ladang ternakan lembu dekat Kampong Tungku. Projek ini telah berjalan dengan jaya-nya tetapi ia sa-chara kecil2an mencukupi untuk memenuhi permintaan. Dari itu Kerajaan telah mengurangkan untuk membeli sa-buah ladang di-Australia dari mana lembu2 akan di-hantar melalui kapal laut atau kapal terbang ka-Brunei untuk di-sembelih dan daging-nya di-jual melalui saloran2 jualan runcit yang biasa.

Juga, elok di-amil perhatian di-bawah Tajuk Pertanian ia-lah ranchangan perpindahan untuk pelat2 dari Sekolah Pertanian Sinaut. Ada-lah mustahak yang kemahiran2 yang telah mereka pelajari itu hendak-lah di-gunakan sa-chara amali, maka sejumlah wang sa-banyak Br\$6 juta telah di-peruntukkan dengan Br\$2.2 juta akan di-belanjakan tahun depan.

Ada-lah di-hasratkan supaya Pusat2 Perdagangan hendak-lah di-dirikan dengan tujuan utama-nya untuk melat2 orang2 Melayu Brunei dalam menjalankan perusahaan2 perdagangan dengan memberikan mereka latehan sambil bekerja. Harga ranchangan-nya ia-lah sa-banyak Br\$20 juta dan ada-lah di-harapkan projek ini akan di-mulakan di-tahun depan.

Dari semua sekolah2 baru yang sedang dalam pembinaan yang elok di-sebutkan sa-chara khusus di-sini ia-lah Sekolah Menengah Sungai Kebun yang mana akan memakan belanja sa-banyak Br\$19 juta dan juga Sekolah Kejuruteraan Sufi Bolkih di-Kuala Belait dengan perbelanjaan yang di-anggarkan sa-banyak Br\$10.8 juta. Kedua-dua-nya sedang dalam pembinaan dan meskipun sekolah2 ini tidak dapat di-siapkan sa-hingga-lah tahun 1985, ia akan memberikan satu tambahan yang amat di-perlukan kepada kemudahan2 pelajaran masa ini.

JALAN PANTAI

Jalan di-tepi pantai dari Muara ka-Tutong yang di-maksudkan untuk melegakan kesesakan lalu-lintas yang melalui jalan raya utama sekarang dari Pelabohan Muara ka-Tutong dan kemudian terus ka-Kuala Belait itu sedang mula terbentok. Harga keseluruhan-nya ia-lah Br\$48 juta. Lebih sa-paroh dari jumlah ini sudah pun di-belanjakan dan sa-banyak Br\$12 juta sedang di-peruntukkan di-tahun depan.

Kemajuan2 di-Lapangan

terbang Antarabangsa telah di-teruskan lagi. Sa-masa lapangan terbang di-rekabentuk jalan2 lalu kapal terbang ada-lah di-anggap tidak perlu oleh kerana lalu-lintas di-ramalkan tidak akan sebegitu sibok maka landasan terbang utama di-kira boleh di-gunakan bagi maksud ini. Sa-telah itu pandangan2 telah berubah dan sa-bagai langkah keselamatan maka ada-lah di-putuskan supaya jalan2 lalu yang sa-jajar dengan landasan terbang hendak-lah di-bina. Bahagian Utara pada dzahir-nya telah pun siap dan bahagian Selatan yang termasuk tempat belok deras dan kawasan memunggah muatan telah pun di-mulakan. Lapangan terbang ini sedang di-perkembangkan sa-terus-nya dan perunding2 antarabangsa telah di-tugaskan untuk memastikan yang perkembangan yang kelak di-chapai ada-lah menurut pemikiran2 dan teknik2 yang moden. Bangunan hangar yang akan menempatkan pesawat terbang terbesar yang mempunyai ukuran badan luas telah pun siap dan sekarang dalam penggunaan. Ia juga telah menempatkan bahagian kejuruteraan Penerbangan Diraja Brunei serta bahagian pentadbiran dan lain2 bahagian Sharikat itu.

PEMBAIKAN

Pada memastikan yang Pelabohan Muara akan terus berjalan dengan jaya-nya maka ada-lah perlu supaya di-selenggarakan kerja2 pembaikan kepada jalan-masok ka-Pelabohan itu dan juga supaya di-lindungi tepi pantai daripada bahaya hakisan. Kerja yang akan menelan belanja sa-banyak Br\$10.6 juta ini sa-harusnya akan siap di-tahun depan.

Kerja2 modal untuk jabatan Letrik akan menelan belanja yang berjumlah Br\$121 juta. Kerja utama-nya ia-lah pemasangan empat buah tarbin gas 20 megawatt di-Gadong. Kerja sedang di-jalankan dengan lancar dan terkecuali beberapa tanggungan2 yang maseh tinggal ia di-jangka akan siap tahun hadapan. Juga di-muatkan dalam Ranchangan ia-lah membina stesen2 kekil 66KV dan 11KV, stesen2 penuisan dan mengembangkan rangkaian 11KV. Semua ini sedang berjalan lancar dan menelan perbelanjaan sa-banyak Br\$11 juta tahun depan.

Perkhidmatan Talikom sedang di-rombak dan di-permodenkan keseluruhan-nya. Stesen Bumi telah pun siap dan sedang dalam penggunaan. Ia mengendalikan lalu-lintas arah Barat dan urusan2 sedang di-jalankan untuk membina sa-buah stesen lagi yang diarahkan sa-belah Timor. Berbagai rangkaian panggilan jauh, ibusawat dan chawangan telah di-rombak dan begitu juga rangkaian telex. Peruntukkan telah di-buat untuk agehan2 yang di-perluaskan ka-kawasan2 pendalaman.

Pada masa ini maseh terdapat kekurangan perumahan di-semua daerah. Wang peruntukan sa-chara keseluruhan dalam Ranchangan telah di-buat berjumlah Br\$175 juta. Dari jumlah ini kira2 Br\$47 juta akan di-belanjakan pada penutup tahun ini dan sa-banyak Br\$29 juta sedang di-peruntukkan dalam tahun 1982. Di-samping ranchangan Pinjaman Perumahan dengan mana pinjaman2 mudah di-berikan kepada pegawai2 Kerajaan untuk membuat rumah kediaman mereka sendiri, kekurangan rumah dan flet akan di-atasi tidak berapa lama lagi.

Kemajuan yang besar sedang di-buat dalam pembinaan rumah sakit baru di-Kiulap, Asrama, tempat tinggal dan bilek2 kuliah. Jurawat telah pun di-siapkan dan begitu juga beanaan untuk blok2 wad. Bahagian pesakit2 luar telah mulai terbentok dan ada-lah jelas rumah sakit ini di-kala siap nanti akan menjadi chontoh untuk bangunan yang sejenis dengan-nya.

BANGUNAN2

Bangunan2 pejabat baru untuk menempatkan beberapa buah Jabatan yang masa ini menduduki bangunan2 sementara sedang di-dirikan di-tapak Lapangan terbang lama. Di-samping itu sa-buah bangunan baru yang akan di-hubongi dengan bangunan Kerajaan yang ada masa ini sedang dalam peringkat perencanaaan. Bangunan untuk Mahkamah Tinggi yang akan menempatkan Jabatan Kehakiman sedang di-dirikan di-Jalan Tutong dan kekurangan ruang2 pejabat yang mengakibatkan kesesakan dan keadaan2 berkerja yang tidak memuaskan akan di-legakan.

Ahli2 Berhormat sudah tentu telah melihat peringkat yang telah di-chapai dalam pembinaan stadium baru. Harga keseluruhan-nya ia-lah Br\$100 juta dan ia akan menyediakan kemudahan2 sokan dan olahraga yang mempunyai taraf antarabangsa. Kerja sedang berjalan dengan lancar dan projek ini di-jadualkan siap pada tahun 1983.

Satu perkara yang menyulitkan kepada orang ramai ia-lah kekurangan tempat2 penarohan kereta di-kawasan2 Bandar. Wang peruntukkan telah di-buat untuk membina penarohan kereta yang berbilang tingkat dan yang mula2 sekali di-bina di-pusat Bandar Seri Begawan telah pun di-tugaskan kepada perunding2 untuk membuat rekabentuk-nya.

TARAF HIDUP

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, dalam laporan yang serba ringkas ini peramba telah berusaha untuk memaalomkan kepada ahli2 Yang Berhormat tentang langkah2 yang sedang di-amil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk meningkatkan lagi taraf hidup serta menjamin memaamor, keselamatan dan kesejahteraan rayat serta penduduk Negeri Brunei. Phak2 Kerajaan boleh menyumbangkan sekian2 banyak-nya untuk rayat, tetapi yang sa-lebih-nya terserah-lah kepada rayat sendiri untuk melaksanakan-nya, meskipun demikian andai-nya suasana politik dan kewangan negara itu stabil dan menggalakan maka tiada sebab mengapa sa-tiap orang tidak boleh hidup dalam keadaan aman, damai dan tenteram. Tanggong-jawab peramba sendiri ada-lah terletak pada urusan2 kewangan Negeri ini dan peramba tidak mempunyai sebarang keraguan dalam menyukong belanjawan ini kepada Ahli2 Berhormat untuk di-luluskan. Hasil2 usaha kita ini mungkin tidak segera di-lihat dengan jelas namun peramba penoh perchaya jenerasi2 yang akan datang akan dapat merenong kembali dengan berpuashati manakala edaran mereka pula sampai untuk menadribkan sa-buah negara yang moden dan maju yang kita chita2kan.

Tugas2 Pegawai2 Haji

Dari muka 9

Sheikh tetapi akhir-nya terpaksa bertumpu kepada Sheikh Ibrahim Brunei apabila mengalami masalah yang tidak dapat di-selesaikan oleh Sheikh2 mereka.

Tentang pemilihan pegawai2 haji pula, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa sa-orang yang di-lantek menjadi pegawai Haji mesti-lah mempunyai tiga syarat ia-itu pandai berbahasa Arab, Inggeris dan pernah menunaikan haji.

Tentang sungutan2 terhadap layanan dari pega-

wai2 haji itu kepada jemaah2, Yang Berhormat itu dengan panjang lebar menceritakan nasib malang yang selalu menimpa pegawai2 haji yang di-akibatkan oleh salah ambilan atau salah tafsiran terhadap lantekan itu menjadi pegawai2 haji.

Pegawai2 haji itu, katanya mempunyai tanggong-jawab2 yang tertentu untuk menguruskan perjalanan jemaah2 haji itu sa-panjang berada di-tanah suci.

"Mereka bukan-lah tukang mengangkat barang, menchari barang

hilang, menchari ayer dan memarakan lampu yang padam. Semua perkara2 itu ada-lah urusan Sheikh bukan-nya tugas pegawai2 haji," ujar Yang Berhormat Pehin.

Berhubung dengan zakat fitrah pula Yang Berhormat itu memberitahu bahawa kira2 zakat dan fitrah ada-lah di-Odit oleh Juru Agong dan pembahagian-nya di-tentukan oleh sa-buah Jawatankuasa Khas yang kemudian-nya mengarahkan amil2 untuk membahagikan bantuan2 yang di-keluarkan daripadanya.

LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

LIPUTAN: JA'AFAR IBRAHIM

"HINDARKAN AYAM MATI KELAPARAN DI-ATAS PADI"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Masri mensifatkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa lawatan2 Baginda yang selalu menitahkan tentang kebahagiaan dan kepentingan raayat perlu-lah diingat oleh pegawai2 kerajaan yang telah diamanahkan dan pertanggungjawabkan pada melaksanakan hasrat2 dan chita2 Baginda Yang Dipertuan itu.

Di-mana, kata-nya, dalam perlaksanaan itu, pegawai2 kerajaan hendaklah mengketepikan unsur2 kepentingan diri sendiri atau individu bahkan hendaklah mengutamakan kepentingan raayat.

BANGUNAN TINGGI

Yang Berhormat juga menekankan bahawa tidak ada guna-nya bangunan2 yang tinggi bertingkat2 dan yang mencharak langit kalau maseh di-dapati ada raayat yang menderita hidup atau tidak stabil dengan kekayaan kita.

Yang Berhormat berkata demikian ketika menyokong usul Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar tentang titah Kebawah DYMM di-Majlis Mashuarat Negeri pada minggu lalu.

"Tentu sekali menjadi heran, takjub, kalau ada ayam mati kelaparan di atas timbunan padi dan kalau ada itek kehausan mati di-atas ayer," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa bangunan2 yang mencharak langit itu bukan-nya tidak berguna tetapi ia-nya merupakan yang kedua bahkan kata Yang Berhormat apa yang kita utamakan sekarang ia-lah kepentingan dan kebahagiaan raayat.

PUAS HATI

Kerana, jelas-nya, raayat akan berpuas hati dan lebeh senang jika kepentingan mereka di-ambil perhatian dengan sewajarnya oleh pihak2 yang tertentu yang telah di-beri tanggung-jawab pada menjalankan-nya.

"Biar-lah kita berhimamah tinggi dan jangan sekali2 seperti perumpamaan Melayu 'Sambil menyelam minum ayer' dan jangan ada nanti 'telunjuk lurus



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd Salleh.

kelingking berkait," jelas Yang Berhormat itu lagi.

Mengenai dengan amalan rasuah di-kalangan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan seperti yang dititahkan oleh Kebawah DYMM, Yang Berhormat itu beranggapan yang kemungkinan Kebawah DYMM telah menyedari-nya yang amalan rasuah di-kalangan pegawai2 dan kakitangan kerajaan di-negeri ini sudah menchapai paras yang serius.

KECHEKAPAN

Justeru itu, Yang Berhormat mengingatkan kepada pegawai2 dan kakitangan di-negeri ini supaya menjauhi sifat2 dan amalan2 sa-demikian yang mana menurut Yang Berhormat amalan sa-umpama itu bukan sahaja boleh merosakkan nama baik Kerajaan DYMM tetapi boleh menjejaskan kecekapan pentadbiran Kerajaan Baginda.

Kata Yang Berhormat itu, Kebawah DYMM telah berkali2 menegaskan kepada pegawai2 Kerajaan yang Baginda berhasrat dan berchita2 pada melihat satu pentadbiran yang efficient, cekap, jujur lagi amanah dalam Kerajaan Baginda.

Maka dalam hubungan ini, Yang Berhormat itu menyarankan yang langkahi2 pada menchegeh rasuah ini bukan sahaja dengan hanya mengenaikan undang2 tetapi apa yang penting ia-lah dengan menanamkan semangat jiwa keIslaman dan 'pure nationalist' yang dipupok di-kalangan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan.

"Penchegeh rasuah di-kalangan pegawai2 dan

kakitangan kerajaan hendak-lah di-jalankan sa-chara menyeluruh dan peratoran2 hendak-lah di-elakkan dari memileh bulu," ujar-nya.

MEMATOHI

Menurut-nya, pegawai2 kerajaan yang di-pertanggung-jawabkan pada melaksanakan-nya mesti-lah juga sama2 mematohi-nya dan jangan ada di-antara mereka yang di-sifatkan sa-bagai 'Telunjuk lurus kelingking berkait' dan 'pepat di-luar renchong di-dalam'.

Bahkan kata-nya, mereka yang benar di-pertanggung-jawabkan dalam pentadbiran Kerajaan Baginda itu supaya akan menjalankan tanggung-jawab mereka dengan adil dan saksama, jujur lagi amanah pada menjamin ke-daulatan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini.

Walau bagaimana pun Yang Berhormat itu penuh percaya dan optimis yang hasrat Kebawah DYMM untuk mengujudkan satu sistem pentadbiran yang efficient, jujur lagi amanah itu akan terchapai dengan ada-nya pimpinan yang bijaksana dari Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan yang ada sekarang.

Ada-nya sa-tengah anggota keselamatan enggan bertugas di-tempat2 tertentu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud membidas sikap sa-tengah2 ahli pasukan keselamatan yang enggan ditugaskan di-tempat2 yang tertentu di-negeri ini.

Kata-nya, sikap atau 'attitude' sa-umpama itu tidak sepatut-nya ada di-dalam pasukan keselamatan kita kerana kata-nya tugas2 mereka itu sebenarnya tidak memileh tempat dan mereka mesti-lah patoh di-mana sahaja di-tempatkan di-negeri ini.

TAWAR HATI

Maka untuk itu Yang Berhormat telah menyeru anggota2 keselamatan supaya tidak akan 'tawar hati' malah hendak-lah sentiasa menumpukan seluruh perhatian pada menyumbangkan khidmat bakti yang berharga untuk negara dan bangsa.

Yang Berhormat itu membidas sikap sa-demikian ketika menyokong usul yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar di-Majlis Mashuarat Negeri bagi menyembahkan serta menjunjung kaseh atas keberangkatan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Atas titah Baginda yang telah menitahkan supaya di-lipat-gandakan usaha2 di-bidang pertahanan dan keselamatan di-negeri ini, Yang Berhormat itu mem-



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awg Haji Mohammad.

beri jaminan yang titah Baginda itu akan sentiasa di-junjung oleh pihak2 keselamatan pada menjaga keamanan dan keselamatan negeri ini serta isi2 di-dalam-nya dengan sa-beberapa daya dan upaya yang boleh.

Bekalan ayer ka-Kg Mumong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kerja Raya, Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit menegaskan bahawa bekalan ayer ka-rumah2 di-kawasan Kampong Mumong, Daerah Belait akan di-laksanakan secepat2-nya awal tahun depan.

Menurut ranchangan, tambah Y.B. Pengiran Ismail, penduduk2 kampung tersebut akan dapat menekmati bekalan ayer sechukop-nya di-akhir tahun 1983.

Yang Berhormat itu menyatakan demikian ketika menjawab soalan Y.B. Pehin Datu Singa Menteri Awang Arif bin Mujun.

Mengenai kekurangan tekanan bekalan ayer di-Mukim Sungai Liang, Yang Berhor-

Mengenai dengan titah Baginda yang mengingatkan kepada seluruh raayat di-negeri ini memberikan kerjasama kepada pihak2 keselamatan, Yang Berhormat itu berkata bahawa orang ramai telah pun dengan sepenoh-nya memberikan kerjasama yang erat kepada pihak2 keselamatan dan pihak2 berkenaan.

Di-atas kerjasama yang erat ini, kata-nya lagi, telah mengakibatkan atau menjadikan segala perkara2 dapat di-jalankan dengan lacin oleh pihak2 berkenaan.

"Dan pihak berkenaan sentiasa sahaja sukachita dan berterima kaseh di-atas kerjasama yang erat yang di-berikan oleh raayat dan penduduk2 di-negeri ini dalam perkara2 tersebut," jelas-nya.

mat Pengiran Ismail mengakui perkara tersebut. Ini, kata-nya ada-lah di-sebabkan oleh adanya pembangunan yang pesat di-seluruh negeri dan penggunaan ayer yang berlebihan.

Menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Y.B. Pehin Datu Laila Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha dari Daerah Temburong, Y.B. Pengiran Ismail menegaskan bahawa bekalan ayer di-Daerah Temburong akan di-tambah kepada sa-juta gelen sa-hari.

Menurut Yang Berhormat itu, apabila siap kerja2 pembesaran tangki di-daerah itu, ada-lah di-harapkan penduduk di-daerah itu akan dapat menekmati bekalan ayer dengan sechukop-nya.

Keistimewaan pegawai2 lelaki dan wanita sama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman menegaskan bahawa sa-tiap peruntukan (budget) yang di-perbelanjakan oleh Kerajaan ada-lah berhasrat semata-mata untuk pemeliharaan negara dan mengasoh raayat untuk hidup dengan sempurna di-samping mengujudkan suasana yang aman dan makmor.

PEGAWAI WANITA

Mengenai dengan sebab2 kenapa pegawai2 wanita itu tidak di-tempatkan sa-bagai pegawai2 tetap, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa kerajaan terpaksa menimbangkan dari segi kesan2-nya.

Bagaimanapun, kata-

nya, keistimewaan yang di-terima oleh pegawai2 lelaki juga telah di-berikan kepada pegawai2 wanita ia-itu seperti loan rumah, pinjaman untuk membeli kereta dan lain2-nya lagi.

Walau bagaimanapun jelas-nya lagi, kerajaan akan mengkaji apa jua keadaan2 yang boleh di-perbaiki terhadap pegawai2 wanita itu.

Berhubung dengan efficiency dalam kerajaan, Yang Berhormat itu memberitahu bahawa di-bawah Jabatan Perjawatan, sabuah Yunit Perkhidmatan Pengurusan atau Management Service Unit akan di-tugaskan untuk mengkaji perjalanan satu2 jabatan yang perlu di-perbaiki.

"Dan dengan yang demikian ada-lah di-harapkan kerjasama yang sepenoh-nya dari jabatan2



Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria.

kerajaan yang terlibat nanti untuk menjayakan tugas2 yunit tersebut."

Tentang Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pula, Yang Berhormat itu menegaskan, melalui ahli2

kerajaan yang menjadi ahli dalam Lembaga Pengarah Sharikat itu, maka tidak ada satu pun yang patut di-ragukan kerana kata-nya lembaga itu sentiasa meneliti perkembangan2 yang terdapat dalam sharikat tersebut yang termasuk aktiviti2 mencharigali minyak di-laut dan dan di-darat.

BERI JAMINAN

Lebeh jauh dari itu, jelas-nya lagi, Lembaga Pengarah itu telah di-beri jaminan yang Brunei akan terus mengeluarkan minyak hingga memasuki tahun ke-2000.

Beliau juga menerangkan bahawa pengeluaran minyak yang ada sekarang tidak perlu di-tinggikan memandang kepada keadaan pada masa itu tidak memerlukan kita berbuat demikian.

ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

Hari Rabu 30hb. Dis.

PAGI :
7.30 Sudut Pelita
8.30 Rimba Raya
8.45 Pilehan Ku
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riag Ria
11.00 Taman Mekar
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI :
1.30 Seloka Merpati (SU).

PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Bangsawan di-udara
4.30 Dendang Sudirman Hj. Arshad
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Rampaian Asli
6.40 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

Hari Khamis 31hb. Dis.

PAGI :
8.30 Ruangan Kitani
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Penglipor Lara
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Chitra Wara (SU)

PETANG :
2.00 Gema Keronchong
2.30 Sandiwar Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Rimba Raya
3.45 Instrumental Inggeris
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Lagu2 Nasehat
6.45 Irama Dakwah

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
7.15 Lagu2 Berirama Gambus
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Lagu2 Lama
9.45 Hidayat

Hari Jumaat 1hb. Jan.

PAGI :
8.30 Detik dan Peristiwa 1981
9.00 Suara Gambus
9.30 Tafsir Al-Koran (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Lagu2 Nasihat
10.45 Muzium Di-Udara
11.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
11.30 Bimbingan Al-Koran
TENGAH HARI :
12.00 Lagu2 Dakwah
12.15 Bachaan Al-Koran
Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Lagu2 Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.
PETANG :
2.00 Lukisan Masharakat
2.30 Bintang Bintang Awd

TIAP2 HARI :

6.00-6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.05 pagi : Sinaran Wahyu
6.15 pagi : Santapan Rohani
6.30 pagi : Dendang Suria
6.45 pagi : Berita
6.50 pagi : Dendang Suria
12.00-12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan
1.00 tengah hari : Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mulkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunai-kan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Koran
10.24 " Do'a Restu
10.29 " Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA :

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.
Menyiarkan AZAN :
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

Hari Ahad 3hb. Jan.

PAGI :
7.30 Panduan Sokan
7.30 Intisari
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Suara Kugiran
10.15 Titian Budaya (SU)
10.30 Sandiwar Radio
11.00 Mutiara Asli
11.30 Dunia Wanita
T/HARI :
12.00 Tahniah dan Uchap Selamat
12.30 Menghibor Awd
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG :
2.00 Selayang Pandang
2.30 Seloka Merpati
3.10 Panduan Sokan
3.20 Irama Gembira
3.30 Majallah Sokan
4.00 Chitrawara
4.30 Tetamu Radio
5.00 Senandung Seloka
5.45 Senandung Senja
6.15 Irama Dakwah
MALAM :
7.00 Hiboran Ria
8.30 Suara Parajurit
9.00 Gema Keronchong/Ira Kenchana
9.45 Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama)

Hari Isnin 4hb. Jan.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahan
11.00 Permintaan Suka Ramai
T/HARI :
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG :

2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Mari Berpantun
3.15 Rampaian Joget
3.30 Untok Pak Tani
4.00 Senandung Seloka (SU)
4.30 Ruangan Ketani
5.00 Pilehan Juruhebah
5.45 Lagu2 Rampaian
6.15 Senandung Senja
7.00 Senandung Ria

MALAM :
8.30 Ku Tujukan Lagu
9.45 Langgam Suara (SU)

Hari Selasa 5hb. Jan.

PAGI :
8.30 Suara Parajurit (SU)
9.00 Dendang Antara Bangsa
9.30 Permintaan Kaum Wanita
10.15 Lagu2 Berirama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Hiboran
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Gazal

T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Gema Silam
3.30 Suara Kugiran
4.00 Belia Mewakili Zaman-nya
4.30 Bintang-Bintang Awd (SU)
5.00 Varia Peristiwa
5.15 Menghibor Awd
5.45 Senandung Senja
6.15 Lagu2 Dakwah

MALAM :
7.00 Fukas Radio (SU)
8.30 Permintaan Sukaramai
9.00 Ruangan Kitani (SU)
9.45 Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Glinka: Overture, Russlan & Ludmila
Rodrigo: Concerto De Aran Juez
8.45 Mozart: Piano Concerto No.21 in C major
9.30 Satie: Three pear-shaped pieces (piano) Traditional Rumanian folk music Warlock: Capriol Suite

Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays
P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

Friday — Christmas Day

AM
11.00 Christmas at Children's Corner

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 New Year and Curious Customs
9.30 Announcers' Special
10.00 Dear Me by Peter Ustinov
10.30 Profile on David Bowie
11.30 Ringing In the New Year

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time
8.45 Fact or Fantasy (repeat).
9.30 Top Of The Pops.

Monday

P.M.

8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre: "Word In Time" by Angela Sewell

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special "Nazareth" — Side 2

Sunday

A.M.

11.00 Museum of the Air
11.15 Big Band Sound
11.45 Career — Your Choice — "Fact or Fantasy"
12.00 Interlude
12.45 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Science Pop
8.15 Career — Your Choice (repeat)
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Drama: "The Local Authority" part 3 by Eduardo de Philippo



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md Yusof dan Datin dengan di-iringi oleh Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, ketika menyaksikan barang2 yang di-pamerkan.

PELUANG MEMASOKI PASOKAN PULIS DIRAJA BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mengkehendaki pemuda2 untuk berkhidmat dengan pasokan tersebut sa-bagai anggota pulis.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latihan di-Pusat Latihan Pulis di-Jalan Muara sa-lama enam bulan bermula awal bulan Januari, 1982.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sudah beristeri atau pun bujang dan berumur dari 18 hingga 25 tahun. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inci dan berbadan sehat. Kelulusan pelajaran yang di-kehendaki untuk memasoki perkhidmatan ini ia-lah lulus sekurang2-nya darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan ditambah dengan alon ialah \$475.00 sa-bulan. Apabila berjaya menamatkan latihan asas sa-lama enam bulan, gaji dan alon sa-bulan setengah akan di-bayar.

Pemohon2 mesti-lah menghadhiri temuduga oleh Pegawai Pengambilan seperti berikut:

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 4hb. Januari, 1982 dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada 5hb Januari, 1982 dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan di-Balai Pulis Lamunin pada

hari yang sama dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada 6hb Januari, 1982 pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan di-Balai Pulis Seria pada hari yang sama dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Pekan Bangar pada 7hb Januari, 1982 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Rombongan pengambiln tersebut akan berada sekali lagi di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 9hb Januari, 1982 dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Lawatan W.I. ka-K.L.

BERAKAS. — Sa-ramai 30 orang ahli2 Pertubuhan Perikumpulan Perempuan WI Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur petang Sabtu lalu bagi mengadakan lawatan muhibbah mereka di-sana.

Lawatan tersebut dilakukan atas undangan Pertubuhan WI Semenanjung bagi melawat sambil memerhati akan kegiatan2 yang di-laksanakan oleh pertubuhan tersebut di-Semenanjung Malaysia.

Rombongan ahli2 Pertubuhan Perikumpulan Perempuan WI Brunei telah di-ketuai oleh Dayang Mariam bte Abdullah. Antara yang mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut ia-lah Penasehat WI Negeri Brunei, Datin Masni bte Haji Ali.

Penyampaian hadiah kepujian Shell

Dari muka 3

Sa-takat ini, tambahan, sa-ramai 49 orang telah di-berikan sumbangan biasiswa yang berupa bursary manakala tiga orang pelajar telah di-berikan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ka-seberang laut.

Pegawai Hal Ehwal Masyarakat, Sharikat Minyak Shell, Dayang Siti Radiah bte Hj. Mohd. Yusof juga telah memberikan ucapan di-majlis tersebut di-mana beliau antara lain telah menerangkan bahawa pemberian hadiah2 kepujian kepada penuntut2 terbaik telah di-sumbangkan oleh pihak Minyak Shell sejak tahun 1958 lagi.

Sa-ramai 72 orang penuntut dari sekolah

menengah dan maktab seluruh negeri telah menerima hadiah2 mereka yang telah di-sampaikan oleh Penasehat Hal Ehwal Awam SMSBB, Awang I.B.J. Ross.

Terdahulu sebelum itu, pada sebelah pagi-nya, penuntut2 tersebut telah berkesempatan mendengarkan cheramah dan menyaksikan filem renchana 'Oil Well' di-samping membuat lawatan ka-Pusat Latihan Teknikal bagi penuntut2 lelaki dan ka-Makmal Penghasilan bagi penuntut2 perempuan.

Turut hadir di-majlis penyampaian itu termasuk-lah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin, Pegawai2 dari Shell dan jemputan2 khas.

Hulorkan rasa simpati kapada orang2 chachat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menyeru seluruh masyarakat di-negeri ini supaya menghulorkan rasa simpati kapada orang2 chachat dengan chara membantu mereka.

Orang ramai, sabda Yang Amat Mulia, jangan menyerahkan tugas tersebut kapada kerajaan semata2, sedang mereka akan 'berpelok tuboh'.

Bersabda merasmikan di-Mini Expo Perdagangan sempena sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-negeri ini

bertempat di-luar Bangunan Pusat Belia minggu lalu, Yang Amat Mulia menegaskan bahawa orang2 chachat juga adalah sa-bahagian daripada anggota masyarakat kita.

Oleh yang demikian, orang ramai tambah Yang Amat Mulia lagi, patut sama2 tampil ka-hadapan untuk melibatkan diri dalam usaha2 pemuliharaan dan pertolongan kapada mereka.

"Jangan fikir senang linang yang kita nekmati masa ini akan kita rasa sa-lama2-nya, orang yang senang linang itu, belum pun habis hayat-nya tidak mustahil mereka juga orang2 yang sa-rupa

dengan mereka," tegas Yang Amat Mulia.

Dalam pada itu, Yang Amat Mulia juga menyeru sektor2 swasta supaya menerima orang2 chachat sa-bagai pekerja mereka. Kerana, sabda Yang Amat Mulia, tidak ada erti-nya menahan yang mereka terima sa-masa di-pusat2 latihan sa-lama ini, hanya tinggal sa-bagai pengalaman.

"Beri-lah peluang kapada mereka, supaya mereka dapat memboktikan jasa2 mereka serba sedikit," seru Yang Amat Mulia lagi.

Terdahulu dari itu, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dalam ucapan alu2an-nya telah menekankan supaya orang ramai akan dapat menerima orang2 chachat dalam masyarakat mereka.

Di-samping itu, Yang Berhormat juga menggesa orang ramai, walau pun Bangsa2 Bersatu mengistiharkan tahun 1981 ini tahun antarabangsa orang2 chachat, tetapi kata-nya, ini tidak bermakna usaha2 kita ka-arrah pemuliharaan bagi orang2 chachat di-negeri ini akan berakhir dengan tamat-nya tahun 1981 ini.

"Tetapi detik ini-lah merupakan detik permulaan bagi kita semua mengorak langkah untuk sama2 memikirkan usaha2 yang positif dan melaksanakan kerja2 ini dengan lebih berkesan dan efektif," ujar-nya lagi.

Kejayaan penuntut2 SISB dalam pelajaran di-puji

Dari muka 3

akan menjadi jelama Brunei yang akan mengisi pertahanan dan memperjuangkan terus erti kemerdekaan penoh lagi tulin bangsa dan negara kita.

"Sa-bagai sa-orang yang men-chintai ilmu pengetahuan saya amat bershukor kapada Allah Subhanahu WaTaala dan berbangga apabila mengetahui reputasi pelajar2 di-sekolah ini berada di-tempat sa-wajar-nya kerana saya mendapati sekolah ini merupakan salah satu daripada sekolah menengah di-negeri ini yang memiliki pelajar2 berdisiplin tinggi dan berakhlak mulia serta maju jaya di-bidang pelajaran masing2," tambah beliau.

"Untuk meneruskan kedudukan yang menggalakkan ini, saya sukachita menyeru semua ibu-bapa supaya dapat menggalakkan anak2 mereka terutama yang menjadi pelajar2 di-sekolah ini memasoki kegiatan2 belia dan extra curricular," jelas-nya.

Kerana kata-nya, kegiatan2 belia dan extra curricular yang sehat akan memberikan banyak faedah berguna kapada pembangunan mental fizikal golongan muda kita yang sa-imbang, akan dapat melahirkan pelajar2 yang bakal menjadi pemimpin bangsa dan negara di-hari muka.

Tambah-nya, kegiatan2 belia seperti ini juga akan mendedahkan mereka kapada persoalan hidup sa-benar sa-bagai anggota2 masyarakat kita.

Dengan ini juga beliau menyeru kapada pelajar2 yang berjaya dengan chermmerlang di-peperiksaan di-sekolah ini berharap tidak akan terhenti sa-takat itu sahaja malah akan dapat meneruskan pelajaran tinggi di-luar negeri dan kembalinya ka-tanah ayer dengan kelulusan masing2 dengan ilmu penoh di-dada untuk dapat menyumbangkan derma bakti yang tulus ikhlas kapada Raja, Ugama, bangsa dan negara sa-mata2 kerana Allah.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 6hb. hingga 13hb. Januari, 1982

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	6.1.1982	Rabu	10.00 — 10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	6.1.1982	Rabu	10.45 — 11.15 pagi
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	6.1.1982	Rabu	11.30 — 12.00 T/Hari
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	11.1.1982	Isnin	2.00 — 3.00 petang
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching	11.1.1982	Isnin	3.30 — 4.30 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	12.1.1982	Selasa	8.30 — 9.30 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa	12.1.1982	Selasa	10.30 — 11.30 pagi
Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap	12.1.1982	Selasa	2.45 — 3.15 petang
Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Gadong.	12.1.1982	Selasa	3.35 — 4.05 petang
Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkunong	12.1.1982	Selasa	4.30 — 5.30 petang
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	12.1.1982	Rabu	8.30 — 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	13.1.1982	Rabu	9.45 — 10.45 pagi
Sekolah Melayu Masin	13.1.1982	Rabu	11.00 — 12.00 T/Hari

Antisori RTTB minggu ini

datang tahun 1982, dari ranchangan Persembahan mempersembahkan pula Gambus Getaran yang mengisi ruangan-nya yang di-siarkan pada 1hb. 1982, nanti.

Gambus yang menampilkan pemain2 dan juga tempatan-nya dengan usaha sama dari para jurur-rerter tugas biarpun di-hari kelepaan, menumpukan sa-at untuk usaha menghasilkan rakaman2 yang baik.

menunjukkan kumpulan Gambus Getaran Irama ramai kenang2an sa-belum rakaman di-mulakan dan gambar yang satu lagi kedua jururakam mengasas memberikan perhatian kepada sa-tiap level sa-maan di-buat.



rana memikirkan keadaan rumah-tangga-nya.

Malang benar nasib Salmi... Nita yang di-harap2kan untuk melahirkan anak untuk-nya kini memberitakan yang ia sa-be-nar-nya tidak mengandung dan hanchor-lah harapan Salmi untuk mengangkat anak-nya.

Di-hari penghabisan dalam lengkungan tahun 1981 Salmi dan Mardi pun mengambil keputusan untuk pergi menemui doktor dan menjalani pemereksaan. Apa-kah keputusan yang akan di-perolehi oleh Salmi hasil pemereksaan itu nanti? Mungkin-kah chita2 mereka akan terchapai menjelang tahun baru ini? Untuk mendapatkan jawapan pada persoalan ini, kami silakan awda pendengar khas-nya kepada peminat sandiwara radio untuk mengikuti siaran-nya pada 3hb Januari 1982 jam 10.30 pagi.

Usaha penerbitan ranchangan ini akan di-selenggarakan oleh Dayang Salmah Abd Rahman.



UNTOK hiburan kanak2 menjelang tahun 1982 ranchangan Rampaisari Kanak2 82 menghidangkan serbaneka hiburan yang di-mulakan dengan berjenis2 nyanyian dan tarian oleh penyanyi2 jemputan Irwan Md. Said, Dk. Monira Pg. Mohiddin, dan Norisnani Majenis, sa-buah taridera Tangkap Ikan, persembahan Tizan Haji Jamaluddin dan kawan2, dan lain2 lagi.

Sa-panjang ranchangan ini kanak2 akan bersua dengan penyampai ranchangan Lailawati P.O.K.L.W. Haji Salleh dan Pak Chik Amidon, Selamat Menonton dan Selamat Tahun Baru.

Untuk maalam kanak2 sekalian ranchangan ini akan di-siarkan pada 1hb. Januari 1982 jam 6.35 petang.



THE above picture shows Mohd. Jaya bin Sahat from the Natural History Department at the Brunei Museum explaining to Asha Devaraj the characteristics of the Rajah Brooke's Birdwing. This interview can be heard on the maiden programme of MUSEUM OF THE AIR which will be broadcast on Sunday 3rd January 1982 at 11.00 am.

RANCHANGAN TVP DARI 4HB HINGGA 10HB. JAN.

ISNIN — 4HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 513

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti NAIK KUDA, YANG MANA GANJIL, PA'LONG, BERSE-NAM, HALAMAN BELAJAR dan CHERMIN SAKTI.

SELASA — 5HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 514

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN BAKUL, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

RABU — 6HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 515

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, AMINAH, KERJA TANGAN, HALAMAN MENGAJAR, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

KHAMIS — 7HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 516

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT, BELON SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

JUMAAT — 8HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG.

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah

dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN BAKUL, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 9HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 517

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR, MAIN BANG, BERSE-NAM, GAMBAR DARI RU-MAH dan CHERMIN SAKTI.

AHAD — 10HB JAN.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG.

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, AMIN, KERJA TANGAN, HALAMAN MENGAJAR, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.



Setia Usaha Agong PGGMB, Pg Mustapha menyampaikan oskar kemenangan kepada ketua pasukan Guru2 Daerah Tutong (atas) gambar bawah ia-lah pemain2 pasukan Guru2 Daerah Tutong.



Pasokan guru2 Daerah Tutong mengalahkan guru2 Daerah Brunei Muara I

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Guru2 Daerah Tutong telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan akhir bolasepak antara Guru2 di-seluruh negeri yang telah di-langsungkan di-

padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sini pada hari Sabtu 19hb. Disember yang lepas.

Dalam perlawanan akhir itu, pasukan tersebut telah menewaskan pasukan Guru2 Daerah Brunei dan Muara I dengan jaringan empat gol berbalas dua.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei (PG-GMB) buat kali yang kedua itu telah di-sertai oleh sa-banyak lima buah pasukan yang mewakili daerah masing2.

Awang Emran bin Haji Hassan, Penolong Penyusun Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran ketika di-hubungi baru2 ini menjelaskan, bahawa pehak penganjor di-masa2 yang akan datang besar kemungkinan akan menyediakan hadiah rebutan bagi kejohanan tersebut.

Jelas-nya, sejak kejohanan ini di-anjarkan oleh PGGMB ia-nya di-adakan tidak-lah merebut mana hadiah2 rebutan, ini ia-lah kerana PGGMB berbuat demikian ada-lah sa-bagai perhubungan yang mana kata-nya apabila

menggalakkan maka usaha2 untuk memberikan sa-barang hadiah rebutan akan di-adakan.

Walau bagaimanapun kata-nya, pehak kami sangat berbesar hati di-atas penyertaan yang begitu menggalakkan dari guru2 di-seluruh negeri dan untuk itu, beliau meminta supaya mkan ramai lagi pasukan2 dari daerah masing2 yang akan menyertai-nya.

Menyentuh tentang tujuan di-adakan kejohanan tersebut, Awang Emran menambah bahawa adalah menjadi hasrat pehak penganjor ia-itu pada merapatkan lagi perhubungan silatulahim dan muhibbah di-kalangan guru2 di-negeri ini di-samping menggalakkan mereka untuk berminat dalam lapangan bolasepak dan sa-terus-nya pada meninggikan mutu dan standard permainan bolasepak di-negeri ini.

Hadiah2 kepada pemenang di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Setiausaha Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei (PG-GMB), Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan.

LEBEH 100 ORANG SERTAI LUMBA JALAN KAKI

KUALA BELAIT. — Lebih daripada 100 orang telah menyertai lumba jalan kaki anjoran Persatuan Pengakap Daerah Belait di-sini pada hari Ahad 20hb. Disember yang lalu.

Perlumbaan yang sa-jauh 10 batu itu telah bermula dari Padang KBRC, Kuala Belait dan berakhir di-Padang Arena Sokan, Seria. Perlumbaan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu lelaki dan wanita.

Dalam bahagian lelaki tempat peratama telah di-sandang oleh Awang Mohammad Daud bin Sagam sementara naib johan jatuh kepada Awang Son Yew Heng dan pemenang ketiga ia-lah Awang Mohiddin bin Kamis.

JOHAN WANITA

Manakala dalam bahagian wanita pula, johan telah di-sandang oleh Dayang Ho Kui Hui, kedua ia-lah Dayang Damit binte Ahmad dan pemenang ketiga jatuh kepada Dayang Jasmani binte Mohammad Ali Nordi.

Sa-orang juruchakap dari persatuan itu memberitahu kepada Pelita Brunei bahawa perlumbaan itu di-jalankan ada-lah semata-mata untuk mengutip tabong bagi persatuan itu.

Beliau menjelaskan bahawa hasil wang kutipan itu akan di-gunakan pada membangun ibu pejabat baru bagi persatuan di-daerah tersebut.



Wild Cat juara bolasepak tujuh sa-pasokan

JERUDONG. — Pasokan Wild Cat telah munchol sa-bagai juara bolasepak tujuh orang sa-pasokan setelah menewaskan Pasokan Ten CC dengan tiga jaringan tanpa balas.

Perlawanan akhir itu telah berlangsung di-padang Bolasepak Kampong Jerudong di-sini pada hari Sabtu lepas.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Persatuan Bolasepak Kampong Jerudong, Daerah Brunei dan Muara ada-lah sempena Hari Pelajar Sekolah tersebut.

Dan ia-nya di-anjarkan ada-lah khas bagi pen-

duduk2 Kampong Jerudong ia-itu bagi merebut hadiah yang di-sumbangkan oleh Ketua Kampong berkenaan, Awang Jeluddin bin Nayan.

Sa-jumlah sembilan buah pasukan telah menyertai perlawanan itu. Pasokan2 tersebut ia-lah Wild Cat, Cobra, Wild Bees, Chali Chali, Guru2 Sekolah Melayu Jerudong, Ten CC, Chuba Lagi, Five Speed dan Pasokan C+.

Hadiah2 kepada pasukan2 yang menang telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Awg. Jeluddin bin Nayan.



Ketua Kampong Jerudong, Awang Jeluddin bin Nayan telah menyampaikan hadiah rebutan kepada ketua Pasokan Wild Cat Awang Abu Bakar bin Bulat yang telah munchol sa-bagai johan

Pengadil b-sepak lawat S'wak

BERAKAS. — Sa-ramai 30 orang pengadil dari Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei Chawangan Tutong akan kembali ka-tanah ayer hari ini, sa-telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama enam hari ka-Kuching.

Dalam lawatan mereka kasana, Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei Chawangan Tutong telah mengadakan perlawanan bolasepak dan bulu tangkis dengan Persatuan Pegadil Bolasepak Negeri Sarawak.

Pelawat2 tersebut juga telah mengadakan perlawanan hoki dan bola tampar dengan Persatuan Guru2 Sarawak.

Dalam rombongan itu, pelawat2 dari Brunei telah di-ketuai oleh Awang Othman bin Haji Ghazali. Ini ada-lah merupakan lawatan kali pertama yang di-lakukan oleh persatuan tersebut yang bertujuan bagi meninggikan taraf pengadilan dan mengeratkan silatulahim di-antara mereka.

Pesta Sokan JKR 1981

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan mengadakan Pesta Sokan bagi tahun 1981 pada hari Sabtu 2hb. Januari, bertempat di-Komplek Sokan JKR di-Lapangan Terbang Lama, Berakas.

